

# LEMPUNG

MONOGRAF SERAMIK





## **LEMPUNG: Monograf Keramik**

**Penaung:**

Muhammad Abdul Aziz Ab Gani

**Pengarah Penerbitan:**

Mohd Saleh Abdul Wahab

**Ketua Penyunting:**

Mohd Khairi Baharom

**Penyunting Bahasa:**

Nurul Munirah Azamri

**Pereka Susun Atur:**

Intan Nor Firdaus Mohamad Fuad

**Penyusun Teks:**

Muhammad Redza Rosman

Nurul Shima Taharudin

**Ilustrator:**

Mohd Radzuan Hj. Mohd Rafee

Khairul Nizan Mohd Aris

Khairul Azuan Razali

*Hasil karya di muka hadapan oleh: MOHAMAD LUQMAN HAKIM MUHAMMAD YAZID*

© Penerbit ASIA INTERNATIONAL CUMMUNITY OF ART & DESIGN (AICAD)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK

Edisi 2024: LEMPUNG: Monograf Keramik

e-ISBN: 978-629-97134-2-5

Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin atau disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk cetakan atau terbitan samaada secara eletronik, mekanikal, fotokopi atau rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada penerbitan terlebih dahulu.

# Prakata

---

**Mohd Saleh Abdul Wahab**

Monograf ini merupakan penggalian yang mendalam ke dalam dunia seramik yang penuh keunikan dan keindahan. Ia bukan sekadar himpunan karya seni, tetapi juga menjadi platform yang mengungkapkan seramik dalam pelbagai perspektif. Sejalan dengan konsep LEMPUNG, ia merujuk kepada bahan yang dominan dalam keindahan dan keunikannya, menjadi medium artistik yang amat dihargai dalam pelbagai disiplin seni dan ilmu. Dalam konteks seni, lempung tanah adalah kanvas yang hidup dan berbicara sendiri, mencipta karya yang memukau dengan beragam bentuk, warna, dan tekstur. Di sisi lain, bagi saintis dan peneliti, lempung tanah mendedahkan rahsia semulajadi bumi dan perkembangan sejarah manusia.

Naskah ini adalah hasil usaha lebih daripada 30 penulis dari pelbagai latar belakang disiplin. Mereka terdiri dari ahli akademik, penggiat dan pengamal seni, kurator dan pengamal industri seni yang bersatu untuk merakamkan keindahan dan keragaman seramik dalam penulisan masing-masing. Kolaborasi dari pelbagai agensi ini telah memperkaya pemahaman tentang seramik dan memberikan perspektif yang sangat berharga kepada pembaca. Selain penulis berpengalaman, buku ini juga mempamerkan 40 buah karya pelajar dari Jabatan Seramik, Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak. Mereka adalah generasi muda yang akan mewarisi cinta kepada seni seramik dan melanjutkannya kepada masa depan. Karya mereka adalah saksi perkembangan seni seramik yang terus berlanjutan dan menjadi inspirasi bagi generasi berikutnya.

Semoga buku ini menjadi sumber inspirasi dan pengetahuan yang berharga bagi semua pembaca, serta menjadi titik permulaan bagi mereka untuk lebih menghargai seni seramik dan menjelajahi lebih dalam tentang bahan yang menakjubkan ini.





# Isi Kandungan

---

<b>1. Amirul Azani Ibrahim</b> <i>Jabatan Konsevasi, Muzium Kesenian Islam Malaysia</i> <b>Konservasi Terhadap Seramik</b> .....	<b>09</b>
<b>2. Farihan Zahari</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Melaka</i> <b>Lensa Fotografi dalam Menyempurnakan Produk Seramik</b> .....	<b>12</b>
<b>3. Haslinda Md. Nazri</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Peranan Reka Bentuk Set Hidangan Seramik dalam Mempengaruhi Pengalaman Fine</b> .....	<b>14</b>
<b>4. Intan Nur Firdaus Muhammad Fuad</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Mencipta Identiti Unik: Seni Penjenamaan Seramik</b> .....	<b>16</b>
<b>5. Khairul Nizan Mohd Aris</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Shah Alam</i> <b>Keunikan Seramik Buatan Tangan (Handmade Ceramics)</b> .....	<b>20</b>
<b>6. Lilinieta Talib</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Set Pinggan Makan Portmeirion</b> .....	<b>24</b>
<b>7. Lizawati Abdullah</b> <i>Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Seramik: Seni Mencantikkan Kediaman dan Meningkatkan Nilai Hartanah</b> .....	<b>26</b>
<b>8. Mohd Nafis Saad</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Perkembangan Motif Tradisional dalam Budaya Masyarakat Moden Malaysia</b> .....	<b>28</b>
<b>9. Mohd Nasiruddin Abdul Aziz</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Peranan Seni Reka Grafik dalam Seni Seramik Moden</b> .....	<b>30</b>
<b>10. Mohd Radzuan Mohd Rafee</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Fotografi dalam Seramik: Pengcahayaan dan Latar</b> .....	<b>35</b>
<b>11. Mohd Rashidy Samsudin</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Melaka</i> <b>Seramik dalam Senireka Perindustrian di Malaysia</b> .....	<b>36</b>
<b>12. Muhammad Redza Rosman</b> <i>Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Eksplorasi Epik Seramik dalam Seni dan Alam Bina</b> .....	<b>38</b>

<b>13.Mohd Shahrol Hanafi Mohd Raffie</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Seni Reka Decal pada permukaan produk Seramik Industri.....</b>	<b>40</b>
<b>14.Muhammad Khalik Mustafa</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Kemewahan Porselin: Sumber Inspirasi dalam Rekaan Fesyen .....</b>	<b>44</b>
<b>15.Muhammad Salehuddin Zakaria</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Kreativiti dalam Seni Seramik .....</b>	<b>46</b>
<b>16. Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Keindahan Surrealism dalam Karya Seramik .....</b>	<b>48</b>
<b>17.Nurul Fadzilah Zahari</b> <i>Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Singgora Elemen Seni Bina yang Perlu Dikekalkan .....</b>	<b>50</b>
<b>18.Nurhasyimah Ahmad Zamri</b> <i>Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Seramik Sebagai Bahan Pembinaan .....</b>	<b>52</b>
<b>19.Nurul Sahida Fauzi</b> <i>Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Magis Seramik dalam Bidang Hartanah: Kecantikan, Keselesaan dan Nilai .....</b>	<b>54</b>
<b>20.Nurul Shima Taharuddin &amp; Gladys Taggie</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Kecantikan Visual Tarik Perhatian Perak Seramik Sebagai Bahan Pembinaan .....</b>	<b>57</b>
<b>21.Nurul Shima Taharuddin &amp; Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apandi</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Karya Sebagai Sumber Pendapatan: Rupabentuk dan Nilai Seni Perlu Seiring .....</b>	<b>58</b>
<b>22.Nuzaihan Aras Agus Salim</b> <i>Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM</i> <b>Seramik,Persekitaran dan Psikologi dalam Alam Bina Sumber Pendapatan: Rupabentuk dan Nilai Seni Perlu Seiring .....</b>	<b>60</b>
<b>23. Norhaslina Shafie</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Fotografi dan Seramik: Pandangan dan Panduan Menghasilkan Visual Karya Seramik Melalui Fotografi .....</b>	<b>62</b>

<b>24. Nor Idayu Ibrahim</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Aksesori Seramik</b> .....	<b>65</b>
<b>25. Noor Enfendi Desa</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Penerapan Estetika dalam Senireka Seramik Kontemporari</b> .....	<b>66</b>
<b>26. Siti Norhashimah Suman</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Raku</b> .....	<b>68</b>
<b>27. Raja Nurulhaiza Raja Nhari</b> <i>Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Memfaatkan Sisa Seramik dalam Alam Bina untuk Kelestarian Alam Sekitar</b> .....	<b>70</b>
<b>28. Wan Nur Syazwani Wan Mohammad &amp; Nurul Nabila Husna Zulkifli</b> <i>Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Penebat bumbung Seramik Berliang</b> .....	<b>72</b>
<b>29. Zolina Mohamad</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Kolaborasi Antara Fesyen dan Seramik dalam Dunia Seni Yang Inovasi</b> .....	<b>74</b>
<b>30. Zulkarnian Hassan</b> <i>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Perak</i> <b>Uniknya Underglaze Transparent Paper</b> .....	<b>75</b>

# Pengantar

---

## Satu Perkongsian Pengalaman Hidup dalam dunia Seramik

**Ibrahim Bin Mohd. Don @ Dun**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang.  
Kita adalah penghuni masa kini yang mewarisi dari masa lampau dan memegang amanah bagi generasi masa depan.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH s.w.t kerana diberi ruang di dalam penulisan 'LEMPUNG : Seramik Jurnal ' ini untuk saya berkongsi pengalaman disepanjang penglibatan saya di dalam dunia Seramik yang tidak terkecuali menggunakan bahan utama tanah liat atau dengan nama lainnya disebut 'LEMPUNG'.

Sudah hampir 36 tahun saya terlibat di dalam dunia seramik dari pelbagai latar pengalaman sama ada sebagai pensyarah teknologi seramik, sebagai pereka kajian dan penyelidikan seramik, Sebagai jurutera seramik di industri pengeluaran produk seramik dan juga kini sepenuh masa menjadi seniman karyawan seramik kontemporari Malaysia dan juga menjalankan industri pengeluaran produk seramik.

Saya dilahirkan dan dibesarkan di Batu Pahat, Johor berdekatan bandar Air Hitam yang kini mendapat jolokan nama sebagai Bandar Seramik. Saya merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda dalam Seni Seramik dari Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1987, sebelum meneruskan pengajian saya di dalam bidang Sarjana Kejuruteraan Seramik di Hocking Technical College Ohio, Amerika Syarikat pada tahun 1994.

Pada tahun 1987 apabila baru sahaja tamat pengajian di ITM saya telah ditawarkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia Cawangan Perak, untuk projek menghasilkan produk seramik diberi nama 'Satsumayaki'. Produk seramik ini dipilih oleh Perdana Menteri Malaysia diwaktu itu iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad atas usahanya kembali dari Jepun menerusi program Lawatan Pandang ke Timur. Bermula dari situ saya mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan seramik yang telah dipelajari sepanjang empat tahun di ITM. Proses kerja bermula dari rekabentuk produk, lukisan teknikal serta membuat acuan dari bahan Gypsum (POP). Seterusnya penyediaan bahan slip Lempung untuk kerja-kerja acuan (casting) serta membuat formulasi gerlis retak (crackle glaze) dan kerja akhirnya iaitu hiasan permukaannya, lukisan tangan dan akhirnya proses pembakaran. Projek pengeluaran produk ini sungguh mencabar memandangkan ketika itu saya baru sahaja tamat pengajian dan tiada lagi pengalaman dalam kerja-kerja pengeluaran produk seperti ini. Namun di waktu itu, tugas-tugas mengikut bahagian telah dibantu dalam gerak kerja berkumpulan oleh sebahagian usahawan seramik di waktu itu. Alhamdulillah akhirnya produk yang julung kalinya dihasilkan dengan teknologi penggunaan jasad Lempung putih tempatan dengan salutan gerlis retak lutsinar (Transparent Crackle glaze) dan hiasan permukaan catan tangan telah berjaya dihasilkan. Ini merupakan kejayaan pertama saya dalam menghasilkan produk seramik dalam sekala kuantiti yang besar ketika itu.

Awal tahun 1989, menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, saya telah ditawarkan sebagai Pengajar Ketukangan Teknologi Seramik di Institut Latihan Perindustrian di bawah Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) yang kini ditukar kepada nama Jabatan Tenaga Manusia (JTM). Semasa di sinilah saya berpeluang melanjutkan pengajian di Hocking Technical College, USA dalam bidang 'Ceramic Engineering' di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Selepas tamat pengajian selama dua tahun di sana (1992 – 1994), saya kembali ke tanah air dan menyambung semula tugas sebagai pengajar ketukangan Teknologi Seramik. Namun setelah beberapa tahun saya berkhidmat, bidang latihan Teknologi Seramik yang dirancang di pusat latihan perindustrian tersebut tidak dapat dilaksanakan ketika itu disebabkan perkara tertentu. Oleh itu, pihak atasan jabatan ketika itu telah mencadangkan kepada saya untuk menukar jawatan pengajar dalam bidang teknologi lain iaitu bidang Teknologi Kimpalan. Semangat dan kecintaan saya terhadap bidang seramik amat kuat dan ianya merupakan satu arahan dan keputusan yang tidak boleh saya terima ketika itu. Beberapa perbincangan telah saya usahakan bersama pihak atasan jabatan namun saya terpaksa akur dengan arahan tersebut. Oleh kerana kecintaan terhadap bidang Seramik telah sebatikan dalam jiwa saya, maka dengan berat hati, saya tekad memberi surat perletakan jawatan pada tahun 1997.

Dalam masa menghabiskan tempoh notis dua bulan perletakan jawatan, saya mencuba meninjau peluang pekerjaan di sektor swasta dalam bidang seramik yang berkaitan. Alhamdulillah sebelum tempoh notis perletakan jawatan tersebut tamat, saya telah ditawarkan pekerjaan sebagai 'Research Executive New Product Development' dari sebuah syarikat swasta bernama 'Ceramic Research Company'. Saya mula berkhidmat dalam syarikat tersebut sebaik sahaja tempoh notis perletakan jawatan di jabatan kerajaan tamat tempohnya.

Di bulan-bulan akhir tahun 1997, bermulalah karier saya di dalam sektor swasta di dalam dunia seramik yang saya minati. Menjadi seorang Research Executive New Product Development mempunyai skop tugas yang sangat menarik dan bertepatan dengan latar belakang akademik dan minat saya. Kumpulan syarikat tempat saya bertugas ini mempunyai kumpulan syarikat diberi nama 'Guocera' yang menjalani industri pengeluaran Jubin Seramik terbesar juga di Malaysia. Sebahagian daripada aktiviti tugas yang perlu saya laksanakan melibatkan kerja ujian di makmal dan pelaksanaan produk baru di kilang pengeluaran. Ianya sangat menarik kerana hasil kajian yang telah sempurna saya buat kemudian akan dikeluarkan di kilang-kilang syarikat tersebut. Ini merupakan kemuncak kepuasan saya dalam bidang seramik apabila produk Jubin rekaan dan kajian saya dapat dilihat dikeluarkan dalam kapasiti yang banyak dan digunakan di projek-projek binaan seluruh Malaysia juga dipasarkan ke luar Negara.

Skop tugas saya di waktu itu juga terlibat untuk membantu menyelidik dan memberi penyelesaian bagi sesuatu masalah produk yang dihasilkan jika terdapat kecacatan atau 'defects'. Penyelidikan untuk menyelesaikan sesuatu masalah kecacatan produk ini akan dilihat kepada faktor penyebabnya di sudut kerja-kerja proses penyediaan bahan samada jasad tanah, slip engobe dan gerlis yang akan melibatkan formulasi bahan lantas juga pada peringkat aplikasinya. Dari sudut teknikalnya dalam penyiasatan untuk menyelesaikan sesuatu kecacatan produk jubin ini, proses terakhir iaitu kerja pengeringan dan pembakaran juga akan diambil kira di mana ianya juga boleh menyumbangkan kesan kecacatan produk. Didalam tugas ini saya juga bertanggungjawab untuk membantu industri-industri syarikat yang berkaitan di luar negara seperti Filipina dan Indonesia jika ada keperluan dalam menyelesaikan masalah di dalam pengeluaran jubinnya. Apabila berpeluang bertugas di industri luar negara seperti ini, banyak pengalaman baru yang dapat saya terima, terutamanya dari sudut teknologi pengeluarannya dan sistem bekerja di industri mereka.

Dalam menjawat sebagai Research Executive dalam membangunkan produk baru ini, saya juga berpeluang melawat industri di luar negara yang memproses bahan-bahan keperluan dalam industri produk seramik seperti industri memproses bahan gerlis dan bahan pewarna seramik. Sebahagian besar industri yang dilawat ini adalah juga syarikat pembekal bahan-bahan kepada syarikat kilang seramik di Malaysia.

Setelah lebih sepuluh tahun saya terlibat didalam kajian dan penyelidikan pengeluaran produk jubin seramik ini, jiwa saya mula memberontak untuk saya ingin memiliki industri sendiri yang menghasilkan produk seramik hasil buatan sendiri. Pertengahan tahun 2007, saya telah meletak jawatan dari syarikat ini dan dengan berbekal sedikit modal di samping pengetahuan dan pengalaman yang ada, saya telah membuka syarikat sendiri pada hujung tahun 2007. Saya telah mendaftar dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan nama syarikat Techno Ceramic Enterprise, dan ianya mula beroperasi dengan pengeluaran produk cenderamata seramik dan juga produk artistik seramik kontemporari. Syarikat saya ini juga mengendalikankan Bengkel Latihan yang berkaitan seramik kepada pihak-pihak yang memerlukan seperti pensyarah Institut Pengajian Tinggi (IPT), pelajar-pelajar universiti dan sekolah serta orang awam yang berminat.

Dalam menerajui syarikat sendiri ini, skop tugas adalah lebih luas dan pelbagai, ianya tidak terbatas dan tidak terikat seperti bekerja dengan majikan tertentu seperti sebelum ini. Dalam tempoh bekerja sendiri, saya juga pernah menerima kontrak beberapa tahun sebagai pensyarah sambilan dalam subjek Seramik Teknologi di Institut Kraftangan Negara (IKN), juga pernah menjadi pensyarah sambilan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Fakulti Seni Media Seramiknya.

Saya juga melibatkan diri dan dilantik sebagai Panel Pakar seramik oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia sehingga kini dalam membentuk Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau 'National Occupational Skills Standards' (NOSS) dalam bidang Seramik Tradisional juga Seramik Termaju (Advanced Ceramics). Begitu juga saya dilantik oleh pihak Jabatan Tenaga Manusia (JTM) sebagai Panel Jawatankuasa Penasihat Teknikal (TAC) bagi mengesahkan soalan peperiksaan akhir JTM dalam bidang Teknologi Seramik. Kertas peperiksaan ini akan dilaksanakan setiap tahun kepada pelajar-pelajar di Institut Latihan Perindustrian (ILP) yang berkaitan dengan bidang Teknologi Seramik.

Saya juga bergiat aktif menerima jemputan pelbagai pihak untuk memberi ceramah seni (Art-talk) yang berkaitan pengalaman saya dalam bidang seramik kepada pelajar-pelajar IPT dan juga jabatan kerajaan serta pihak swasta yang berkaitan. Dalam pada itu saya juga tidak melepaskan peluang untuk bergiat dalam pameran berkumpulan (Group Exhibition) untuk karya seramik samada didalam atau di luar negara. Begitulah sebahagian perjalanan hidup dalam dunia Seramik yang saya cintai ini yang mana ianya terlibat secara langsung menggunakan bahan Lempung atau tanah liat.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak yang terlibat di dalam usaha penulisan dan penerbitan naskah ini, untuk memberi peluang kepada saya berkongsi pengalaman dalam dunia 'Lempung' atau tanah liat ini. Moga segala pengalaman ini dapat dimanfaatkan kepada semua pihak untuk dikongsi bersama.

Semoga Allah merahmati kita dan menganugerahkan kita dengan petunjuk terhadap segala urusan masa hadapan dalam membangunkan ilmu bidang 'Lempung' ini.

# Konservasi Terhadap Seramik

**Amirul Azani Ibrahim**

*Jabatan Konsevasi, Muzium Kesenian Islam Malaysia*

Pemuliharaan dan pemulihan objek seramik ialah prosedur khusus yang bertujuan untuk melindungi dan memelihara artifak seramik yang mempunyai kepentingan sejarah dan peribadi. Proses pemuliharaan dan pemulihan lazimnya di jalankan oleh seorang profesional yang dikenali sebagai konservator yang bekerja dengan artifak warisan budaya. Seramik dibuat melalui penggunaan bahan bukan organik, bukan logam, yang menjalani proses pembakaran dan penyejukan seterusnya untuk menghasilkan salutan licau. Salutan ini kerap mempamerkan sifat tahan lama dan mesra alam, menjadikannya sesuai untuk kedua-dua aplikasi berfungsi dan hiasan. Pembersihan, pengendalian, penyimpanan dan rawatan keseluruhan seramik sejajar dengan kaca kerana komposisi bersama komponen yang tinggi oksigen dan silika. Dalam bidang pemuliharaan, seramik dikategorikan kepada tiga kumpulan berbeza iaitu tanah liat tidak di bakar, earthenware atau terakota, stoneware dan porselin.

Sehubungan dengan itu, seramik terdedah kepada kerosakan, kebanyakannya akibat penggunaan yang tidak betul dan pembungkusan yang rosak, kerana kerapuhan semula jadinya. Namun begitu, tambahan seperti perbuatan vandalisma, sejuk melampau, pertumbuhan kulat, dan kejadian serupa, juga boleh menyebabkan kesan yang memudaratkan. Yang pertama ialah kecacatan semasa pembuatan, bahagian sesuatu objek boleh rosak dengan sendirinya jika ia sememangnya tidak stabil. Ia agak sukar untuk di elakkan kerana ia berkait dengan bahan semula jadi. Malah sebelum objek itu digunakan, ia sememangnya telah rosak. Ini termasuk objek yang mengandungi kuantiti bahan yang tidak mencukupi. Kecacatan tipikal kedua adalah daripada reka bentuk dan pembuatan yang lemah. Contohnya, objek seramik dengan pemegang terlalu nipis untuk menampung berat cawan. Masalah ketiga dengan cara objek tersebut di bakar tanpa penjagaan rapi, seperti tembikar yang dibakar terlalu cepat atau proses pengeringan yang tidak rata akan menyebabkan retak atau pecah.

Seterusnya adalah hentakan dan geseran, kerana seramik sangat rapuh, akan berlaku retak, sompek, dan kesan lain selepas digunakan. Objek juga boleh rosak di muzium dengan cara ia dibungkus, disimpan dan dikendalikan. Selain itu, apabila seramik terdedah kepada cuaca sejuk, ia boleh rosak. Masalah berlaku apabila kristal ais tumbuh di celah-celah seramik. Kristal ais di dalam liang rongga akan memberi tekanan pada struktur objek, menyebabkan ia retak dan pecah. Selain itu, apabila kelembapan tinggi, kulat boleh mula tumbuh pada tembikar, terutamanya jika ia tidak mempunyai lapisan licau. Spora kulat ada di mana-mana seperti di udara dan akan melekat pada benda yang sesuai, seperti tembikar. Periuik tembikar sering terkesan dengan perkara ini kerana ia berliang dan tidak mempunyai lapisan licau.

Di samping itu, proses kemerosotan kimia objek terutamanya berlaku pada tahap molekul, dan bukannya menjejaskan struktur fizikal objek. Kemerosotan komponen kimia boleh menghalang atau mengurangkan kestabilan objek apabila terdedah kepada pelbagai unsur alam sekitar, termasuk air, udara, pencemaran, haba, kelembapan dan keadaan yang serupa. Walau bagaimanapun, seramik bersuhu rendah, yang telah di bakar hingga sekitar 600°C, boleh rosak dalam air atau berubah bentuk. Mineral yang larut dalam air, seperti gipsum atau kalsit, juga boleh didapati dalam seramik yang dibakar pada suhu tinggi. Selain itu, air boleh membawa bahan terlarut yang tidak baik untuk tembikar dan boleh merosakkannya. Sebagai contoh, karbon dioksida terlarut meningkatkan keterlarutan kalsit dengan bertindak balas untuk membentuk kalsium bikarbonat yang boleh larut.


Dalam pada itu, larutan garam adalah punca kerosakan yang biasa ada pada objek seramik. Larutan garam boleh masuk ke dalam badan tanah liat dari alam sekitar, seperti objek tertanam di bawah tanah untuk jangka masa yang lama, atau ia boleh menjadi bahagian semulajadi tanah liat atau bahan yang digunakan. Objek yang bukan dari masa lampau, seperti objek semasa juga boleh mendapatkan larutan garam daripada penggunaan biasa, seperti bekas menyimpan garam. Larutan garam berubah apabila suhu naik atau turun. Garam larut dalam air apabila kelembapan tinggi, tetapi ia tidak berlaku apabila kelembapan rendah. Oleh kerana hablur garam lebih besar daripada garam cecair, perubahan daripada larut kepada penghabluran dan berulang membahayakan permukaan seramik. Ini kerana hablur garam lebih besar daripada garam cecair, yang menjadikan badan seramik mengecut dan membesar. Tanda pertama larutan garam ialah debu putih di permukaan, inilah pengkristalan garam. Lama kelamaan, bahagian fizikal badan akan terhakis sehingga ia hilang sepenuhnya.



Seterusnya, dalam bidang pemuliharaan terdapat dua praktis yang berbeza iaitu pemuliharaan disentuh dan aktif. Kedua, jenis pemuliharaan bukan disentuh digunakan untuk mengawal persekitaran sekitar seperti cahaya, kelembapan dan suhu. Pemuliharaan aktif ialah apabila konservator melakukan rawatan untuk mengurangkan masalah fizikal pada objek seperti pudar, kehilangan serpihan atau pecah.

Seramik bersifat sangat halus dan kerosakan boleh berlaku walaupun ia disimpan. Cara yang paling biasa di mana seramik menjadi rosak adalah apabila ia disusun dalam satu sama lain. Melainkan ia adalah sebahagian daripada reka bentuk asal, ini biasanya akan menyebabkan calar, retak atau pecah. Sesetengah seramik, bergantung pada asalnya, bertahan lebih baik dalam keadaan suhu dan kelembapan yang berbeza. Tembikar yang telah tertanam, seperti dari tapak arkeologi, lebih baik disimpan pada kelembapan rendah yang berterusan. Ini akan membantu mengelakkan sebarang garam daripada mengembang, satu proses yang boleh merosakkan permukaan serta menghilangkan permukaan licau.

Secara umum seramik biasanya tahan dan tidak sensitif kepada paras cahaya yang tinggi. Walau bagaimanapun, perubahan suhu dan kelembapan yang melampau boleh menyebabkan kerosakan kimia dan fizikal. Biasanya, muzium berusaha untuk menyimpan seramik, serta banyak jenis bahan lain dalam suhu stabil  $20^{\circ} \pm$ . Selain itu, kelembapan relatif harus distabilkan pada  $50\% \pm$ . Menyimpan objek berhampiran tingkap, pemanas, pendinginan dan kawasan luar boleh mewujudkan persekitaran yang tidak stabil dengan turun naik suhu dan kelembapan serta meningkatkan potensi kerosakan







Sesetengah bahan penyimpanan boleh memudaratkan objek seramik. Kapas bulu menarik minat serangga termasuk moth dan silverfish yang sangat berbahaya kepada koleksi objek berunsur dari bahan lain. Oleh itu, penyingkiran kotoran permukaan dan mendapan memberi manfaat kepada kesihatan dan jangka hayat objek dengan menghalang kotoran daripada meresap ke dalam badan objek. Habuk dan gris boleh melekat pada permukaan objek dengan daya elektrostatis atau ikatan kimia yang lemah dan mudah dikeluarkan. Sesetengah mendapan, seperti garam kalsium, boleh melekat kuat pada permukaan seramik, terutamanya jika permukaannya tidak berlicau. Terdapat dua kaedah utama di mana seramik dibersihkan dan dirawat, iaitu secara mekanikal dan kimia.

Tidak semua objek seramik kering semasa melakukan pembersihan. Sesetengah seramik, seperti yang digali secara arkeologi, akan bersifat lembap atau basah. Konservator cenderung untuk mengeluarkan kotoran permukaan sebelum objek benar-benar kering. Ini dilakukan kerana ia lebih mudah dilakukan sebelum kotoran mengeras dan apabila ia kering, kotoran mungkin mengecut dan menyebabkan kerosakan fizikal pada permukaan seramik. Sesetengah seramik disimpan lembap sehingga rawatan dapat diselesaikan.

Akhir sekali, proses konsolidasi di mana fabrik seramik diperkukuh dengan memasukkan bahan ke dalam fabrik yang akan mengikatnya bersama seperti gam yang berasas dari haiwan, Paraloid B-72, Resin epoksi dan lain-lain. Misalnya, objek seramik yang paling biasa yang memerlukan konsolidasi adalah objek yang digali kerana ia cenderung kehilangan fabrik pengikatnya akibat penyerapan larutan garam. Konsolidasi berfungsi dalam dua cara, iaitu sama ada menghubungkan kepada zarah dalam seramik secara kimia atau ia boleh membentuk sistem sokongan secara mekanikal tanpa bertindak balas dengan fabrik itu sendiri. Konsolidasi kimia yang digunakan dalam pemuliharaan moden termasuk isosianat, silanes, siloksan, dan metil metakrilat, namun konsolidasi dengan cara sokongan mekanikal lebih kerap digunakan

# Lensa Fotografi Dalam Menyempurnakan Produk Keramik

Farihan Zahari

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka*

Sebagai seorang jurufoto, salah satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan ialah ketika merakam produk seramik di dalam studio fotografi. Pada ketika itu, terdapat lebih 50 jenis produk seramik yang perlu dirakam dengan menggunakan pelbagai sudut dan jenis pencahayaan yang berbeza.

lanya merupakan cabaran yang perlu ditempuhi dan segala persediaan perlu dipersiapkan dengan penuh ketelitian. Dan pengalaman ini telah mengasah kreativiti jurufoto untuk menghasilkan gambar seramik yang terbaik.

Penggambaran ini dimulai dengan mengatur produk seramik di atas sebuah latar yang juga dikenali sebagai tabletop. Tabletop adalah permukaan latar yang biasanya digunakan sebagai alas kerja dalam penghasilan gambar produk. Ia berfungsi sebagai platform utama untuk menghasilkan tebaran cahaya yang lebih lembut dan konsisten.

Dengan tabletop, jurufoto juga dapat menyebarkan cahaya dari 360 darjah dan ini akan memberi peluang kepada jurufoto untuk mengeksplorasi posisi cahaya dalam pelbagai arah.

Sifat pencahayaan lembut yang dihasilkan oleh tabletop ini juga akan menciptakan bayang – bayang yang lebih menarik disamping memantulkan pantulan yang lebih dramatik kepada gambar yang terhasil. lanya sekaligus memelihara ketelitian tekstur produk agar permukaan produk seramik dapat dipelihara dengan lebih baik.

Selama proses penggambaran ini berlaku, aspek komposisi produk dan sudut perletakan kamera juga diberi perhatian secara kritikal. Kreativiti dalam mengkomposisikan produk seramik ini memainkan peranan penting dalam menghasilkan karya seni yang menarik dan bermakna. Komposisi disini merujuk kepada elemen-elemen visual seperti warna, bentuk, tekstur, dan ruang disusun dalam sebuah karya.

Fungsinya adalah untuk mengatur elemen-elemen ini dengan bijak untuk mencipta kesan visual yang diinginkan dalam karya seni seramik.

Dengan kreativiti dalam komposisi, jurufoto dapat menghasilkan karya yang memikat perhatian, mengungkapkan emosi, seterusnya menyampaikan mesej yang berkesan kepada penonton yang mana mereka juga merupakan potensi pengguna kepada produk ini.

Selain daripada itu, jurufoto dapat mengekspresikan kreadiliti mereka secara unik dan menarik dengan mamipulasikan produk seramik. Dalam hal ini, pelbagai teknik komposisi, termasuk pergeseran sudut pengambilan gambar, pemotongan kreatif (creative cropping), dan perubahan pencahayaan selain 'framing' telah digunakan bagi memberi kesan yang terbaik kepada gambar.

Proses ini akhirnya telah menghasilkan satu siri gambar seramik yang mengagumkan. Setiap potongan seramik mempunyai ciri-ciri dan keindahan uniknya sendiri, dan gambar-gambar ini berjaya menggambarkan fundamental karya seramik dengan menggunakan fotografi dengan cara yang menarik.

Kredibiliti fotografi telah menjelaskan kewibawaannya dalam pemotretan gambar-gambar menjadi lebih abstrak dan memperlihatkan produk seramik dari sudut pandang yang berbeza. Pengalaman ini turut menyumbang kepada penggunaan fotografi dalam menjadi medium yang berkesan untuk mencipta impak yang unik dan menarik dalam memperkenalkan seramik kepada umum.





Hasil Karya : MUHAMMAD AIMAN SYAFIQ MUNAUWAR

# Peranan reka bentuk set hidangan seramik dalam mempengaruhi pengalaman fine dining

**Haslinda Md. Nazri**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Salah satu matlamat dalam reka bentuk pinggan mangkuk seramik berkualiti tinggi adalah untuk memenuhi jangkaan permintaan pasaran khususnya keperluan pengguna yang mempunyai cita rasa yang tinggi dan mementingkan kesempurnaan. Bagi pemilik restoran fine dining pemilihan pinggan mangkuk seramik yang berkualiti tinggi merupakan salah satu faktor utama dan berpengaruh dalam memberikan pengalaman serta kepuasan kepada pengguna dalam menikmati hidangan mewah seiring dengan trend terkini.

Pengalaman manis fine dining dapat meningkatkan kesihatan fizikal dan psikologi bagi pengguna. Menikmati makanan bersama –sama secara perlahan –lahan memudahkan untuk menerima pengalaman dan tingkah laku dalam memproses pengalaman yang dinikmati. Ini berlaku apabila menerima maklumat yang tidak dijangka daripada deria mereka ketika menikmati hidangan tersebut serta keadaan persekitaran.

Reka bentuk set hidangan seramik merupakan penghubung yang penting bagi pengguna dan makanan. Oleh hal demikian, reka bentuk set hidangan seramik ini mampu mempengaruhi dan membentuk emosi serta berkeupayaan dalam mempengaruhi tingkah laku dan pengalaman menikmati fine dining. Berdasarkan tiga peringkat teori reka bentuk emosi iaitu tahap visceral, tahap tingkah laku dan tahap reflektif akan merangsang deria, interaksi dan naratif dapat membantu pengguna dalam menikmati pengalaman makan yang lebih konklusif.

Trend terkini, restoran perlu memberi tumpuan kepada beberapa faktor utama seperti hiburan dalam mewujudkan keseluruhan pengalaman pengguna. Reka bentuk hiasan dalaman restoran, pemilihan set hidangan makanan, penggunaan lampu dan pemilihan muzik latar yang dimainkan dititikberatkan agar dapat mencipta suatu suasana yang akan menjadi memori istimewa. Suasana ini secara tidak langsung akan mewujudkan peluang interaktif untuk pelanggan mengenali, menerokai serta penceritaan di sebalik hidangan yang disediakan.

Kolaborasi bersama pereka produk seramik merupakan salah satu daripada pembuka jalan bagi mewujudkan kesinambungan makanan yang dipentaskan melalui set rekaan produk hidangan seramik yang unik dan elegan. Chef kini tidak lagi hanya perlu bergantung kepada mengeksploitasikan kualiti masakan mereka melalui pengetahuan dan kepakaran, sebaliknya perlu mengambil alternatif dimana pengguna kini lebih tertarik dan mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengetahui dengan lebih lanjut dan terperinci mengenai ramuan yang digunakan, bagaimana ia dihasilkan dan asal usul hidangan tersebut. Perubahan ini memaksa chef memikirkan sesuatu yang dapat memberikan yang terbaik untuk pelanggan. Salah satu caranya ialah menterjemahkannya melalui hidangan dengan menggunakan set hidangan seramik yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi .

Seiring dengan peningkatan ekonomi semasa, pengguna mula beralih kepada aliran hidangan mewah dan bermutu tinggi. Permintaan yang tinggi ini, memaksa perubahan yang besar dalam industri pemakanan dan restoran. Mereka lebih berpendidikan dan mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi dan mahu menjadikan ia sebagai satu pengalaman yang menakjubkan. Oleh itu para chef perlu bijak dalam mencipta menu yang dapat memberikan penceritaan yang diterjemahkan melalui persembahan hidangan. Golongan pelanggan elit ini tidak memikirkan mengenai harga yang perlu dibayar untuk menikmati hidangan yang dapat mencipta suasana yang diinginkan dan pengalaman yang sukar didapati di tempat lain.





# Mencipta Identiti Unik: Seni Penjenamaan Seramik

**Intan Nur Firdaus Muhammad Fuad**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Dalam dunia seramik, di mana kesenian dan kefungsiannya bersama, penjenamaan adalah penting untuk membezakan karya atau produk seramik pembuat seramik itu berlainan daripada pesaingannya. Walaupun pada hakikatnya keindahan sentuhan seramik mungkin terungkap dengan sendirinya, namun jenama yang jelas boleh memberikan ciptaan seramik tersebut suara yang unik dan meninggalkan kesan yang berkekalan kepada pelanggan dan pengumpul. Para pembuat seramik perlu turut mendalami dunia penjenamaan seramik dan melihat bagaimana ia mempengaruhi penampilan artis dan studio seramik.

## Mewujudkan Rupa dan Stail

Perjalanan setiap artis seramik bermula dengan jisim tanah liat dan penglihatan. Visi ini berfungsi sebagai asas kepada sesuatu jenama. Cara, teknik dan kaedah pengacuan tanah liat yang unik semuanya menyumbang kepada gaya identiti seseorang pengkarya. Reka bentuk ini akan menjadi ciri penentu kepada jenama sekaligus menjadikan produk tersebut dapat dikenali serta-merta. Tidak kira sama ada pengkarya dan pembuat seramik tersebut pakar dalam kaedah *handbuilding*, *throwing*, atau seramik arca, ciri estetika unik dan identiti tersendiri itu yang akan menarik pengikut setia.

## Kuasa Naratif

Kepentingan dalam berkongsi perjalanan artistik, inspirasi, dan falsafah yang memotivasikan kerja menjadi antara penyumbang naratif kepada perjalanan dalam memperkukuhkan jenama sesuatu produk atau karya. Dengan memasukkan elemen ini ke dalam penjenamaan, ia mewujudkan hubungan peribadi dengan sasaran pengguna atau pengikut, yang membolehkan mereka mengalami hubungan yang lebih mendalam dengan kerja dan karya seseorang pengkarya seramik tersebut.

## Kepentingan Keteraturan

Konsistensi adalah asas kepada penjenamaan yang berjaya. Mengekalkan identiti visual yang konsisten merentas semua platform adalah penting, daripada olahan warna yang dipilih kepada cara repretasi visual sesuatu karya atau produk. Konsistensi ini menyumbang kepada penciptaan kesan yang kuat dan berkekalan. Ia juga menyumbang kepada kredibiliti dan kebolehpercayaan kerja dan karya. Ini bagi memastikan pelanggan atau sasaran pengguna bahawa mereka boleh mengharapkan tahap kualiti, pertukangan dan hasil tangan yang sama dengan setiap pembelian.


## Mewujudkan Kewujudan Dalam Talian

Kehadiran dalam talian (*online*) selalunya merupakan titik hubungan awal antara pengkarya dan bakal pengguna dalam era digital ini. Melabur dalam laman web yang direka dengan baik, kehadiran media sosial yang menarik, paparan kerja dengan gambar, video dan naratif berkualiti tinggi. Ini berfungsi untuk menjangkau pangkalan pengguna yang lebih cepat dan lebih besar.









*Hasil Karya : MUHAMMAD HAFIZI MAZLAN*





### Mencipta Logo dan Pembungkusan yang Berkesan

Dalam bidang pemasaran dan penjenamaan, logo dan pembungkusan seringkali dianggap remeh, tetapi sebenarnya dua elemen ini memainkan peranan yang teramat penting dalam perjalanan produk menuju kejayaan. Ia memainkan peranan penting dalam menarik perhatian, menyampaikan identiti jenama, dan meninggalkan kesan yang sukar dilupakan pada pengguna. Peranan logo sebagai pengiktirafan visual di mana logo adalah duta visual produk dan karya. Ia berfungsi sebagai wajah kepada sesuatu jenama dan merupakan titik pertama perhubungan dengan pengguna. Logo yang direka dengan baik adalah mudah diingati dan unik, menjadikan produk dan jenama tersebut segera dikenali dalam pasaran. Ia seperti identiti yang membezakan sesuatu jenama daripada jenama pesaing.

Logo dan pembungkusan yang direka secara profesional memberi inspirasi kepada kepercayaan dan kredibiliti. Dua elemen ini menyampaikan rasa profesionalisme dan komitmen kepada kualiti, memberi jaminan kepada pengguna bahawa produk seramik itu patut dipertimbangkan. Logo dan pembungkusan yang direka dengan baik dapat meningkatkan nilai yang dilihat dalam sesuatu jenama tersebut

### Mewujudkan Komuniti Kreatif

Kerjasama dan pembinaan komuniti amat diperlukan dalam bidang seramik. Mengambil bahagian dalam bengkel, melibatkan diri dengan artis lain, dan menghadiri pameran-pameran artisan adalah interaksi yang diperlukan oleh pengkarya. Interaksi ini bukan sahaja memberikan pendedahan yang berharga, tetapi ia juga membantu dalam pembangunan dan pertumbuhan artistik pengkarya. Membangunkan hubungan dalam komuniti seramik boleh meningkatkan keterlihatan dan reputasi jenama pengkarya

### Adaptasi dan Evolusi

Pendekatan artistik mungkin berubah dari semasa ke semasa. Adalah perlu untuk tidak takut dalam mengubah suai penjenamaan untuk menampung pelarasan ini. Penjenamaan semula boleh menggiatkan semula dan menarik khalayak baharu ke perniagaan seramik tersebut. Ia harus disampaikan secara telus dan berevolusi dalam menceritakan sesuatu jenama tersebut

Kesimpulannya, penjenamaan dalam seramik bukan sekadar mencipta objek yang menarik; ia juga mengenai mencipta kesan dan hubungan yang berkekalan dengan khalayak dan sasaran pengguna. Dalam dunia seramik, gaya identiti, penceritaan, konsistensi, kehadiran digital, logo, pembungkusan, penglibatan komuniti dan kebolehsuaian adalah kepingan teka-teki yang menentukan identiti unik kepada sesuatu jenama tersebut. Keperluan menghayati dan menitikberatkan seni penjenamaan serta sedar akan bahawa ia adalah komponen penting dalam identiti dan kejayaan sesebuah jenama seramik. Elemen-elemen ini berfungsi sebagai alat yang kuat untuk menyampaikan nilai jenama, mewujudkan kepercayaan, dan menangkap hati dan minda sasaran pengguna

# Keunikan Seramik Buatan Tangan (Handmade Ceramics)

Khairul Nizan Mohd Aris

Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

Seramik telah menjadi salah satu bahan ekspresi seni yang telah lama wujud di muka bumi dan dipenuhi dengan sejarah yang panjang. Sejak dari zaman prasejarah barangan berasaskan seramik telah digunakan dalam pelbagai tujuan dan dihasilkan dengan pelbagai kaedah pembuatan. Lebih dari seratus tahun industri pembuatan seramik telah berkembang dengan sangat pesat dan lebih bersifat automatik dengan bantuan teknologi terkini. Rentetan itu industri pembuatan seramik ini melalui fasa yang telah matang. Pengeluaran peralatan atau barangan seramik telah menjadi lebih sempurna dan kurang faktor kecacatan serta pembaziran dalam pengeluaran yang bersifat massa (*mass production*). Pengeluaran massa ini mampu menghasilkan barangan seramik yang sangat ringan, seragam (*uniform*), tanpa kecacatan seterusnya mampu menghasilkan barangan seramik yang murah dan berfungsi dengan baik.

Persoalannya adakah masih relevan bagi pengusaha seramik menghasilkan barangan seramik secara buatan tangan (*handmade*) yang memerlukan masa agak panjang dan mempunyai ciri-ciri ketidaksempurnaan dalam penghasilannya? Dengan mengambil kira teknologi moden kini yang semakin sempurna adakah seramik buatan tangan ini masih signifikan? Apakah ciri-ciri unik yang ada dalam seramik buatan tangan ini yang berbeza dengan pengeluaran bersifat massa di kilang-kilang seramik?

## Seramik dan makanan

Definisi kepada seramik buatan tangan ini merujuk kepada objek atau barangan yang dihasilkan oleh tangan seseorang yang berkemahiran melalui proses memanipulasi bahan mentah iaitu tanah liat itu sendiri. Seramik buatan tangan yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha yang berkemahiran bukan hanya tertumpu kepada faktor 'utiliti' dan sebagai satu alat atau 'platform' untuk makanan disajikan keatasnya sahaja. Ia sebenarnya merangsang pengalaman artistik dalam merasa, melihat dan seterusnya menikmati sesuatu makanan yang disajikan di atasnya.

Dengan menggunakan barangan seramik buatan tangan ini mampu meningkatkan pengalaman selain menghargai hasil tangan seniman atau pembuat barangan tersebut melalui fungsi dan rasa. Seramik buatan tangan ini mampu menghubungkan pengguna bukan hanya terhadap makanan yang disajikan di atasnya, malah terhadap pembuatnya sendiri. Kesan-kesan jari (*fingermarks*) yang terdapat pada seramik buatan tangan ini secara tidak langsung memberikan nilai estetika tersendiri secara visual dan seterusnya melengkapkan presentasi makanan yang dihidangkan.

Apabila kita menggunakan barangan seramik buatan tangan ini kita menjadi lebih sensitif dengan karekteristik barangan tersebut termasuk merasai berat barangan tersebut di tangan. Makanan yang dihidangkan di atas seramik buatan tangan mampu memberikan visual yang tersendiri dan merangsang deria rasa. Hal ini kerana ianya kurang diberi perhatian daripada seramik yang dihasilkan dari pengeluaran massa. Proses pembuatan seramik secara buatan tangan yang memerlukan masa yang panjang dan penuh ketelitian ini seolah-olah boleh disamakan dengan proses penyediaan makanan itu sendiri yang memerlukan kemahiran, ketelitian dan tumpuan sepenuhnya.

## Proses penghasilan seramik buatan tangan

Kesenian seramik buatan tangan atau handmade walaupun bagaimanapun masih mengekalkan ciri-ciri dan kaedah penghasilan yang tidak banyak berubah dan masih digunakan oleh para seniman dan pengkarya seramik hari ini sebagai satu bentuk penghasilan bersifat unik dan tersendiri (*one-of-a-kind*).





Salah satu ciri penting dalam seramik buatan tangan ini ialah proses penghasilannya. Pembuatannya memerlukan daya ketekunan yang tinggi, kemahiran dan tumpuan yang teliti dan cermat. Prosesnya bermula dari penyediaan tanah liat yang melibatkan proses pengulian tanah liat dengan teliti bagi memastikan tiada buih udara (*air bubble*) di dalamnya. Hal ini bertujuan untuk memastikan proses pembentukan yang lancar dan tanah liat tersebut menjadi mudah lentur. Proses awal ini sangat penting kerana akan mempengaruhi keupayaan (*workability*) tanah liat itu sendiri untuk penghasilan yang terakhir.

Apabila tanah liat itu telah bersedia, seniman atau pengkarya memulakan proses pembentukan barangan seramik ini dengan menggunakan alatan-alatan tertentu. Di sinilah bermulanya kreativiti dan kemahiran seseorang pengkarya itu diterjemahkan melalui medium tanah liat. Tanah liat mampu dibentuk kepada pelbagai bentuk dan rupa, seperti bentuk cawan dan mangkuk yang ringkas kepada bentuk-bentuk yang lebih rumit. Para pengkarya seterusnya perlu mengambil kira jangka waktu pengeringan tanah liat tersebut kerana barangan seramik yang telah dibentuk ini perlu melalui proses pengeringan sebelum dibakar di dalam tanur.

Apabila barangan yang dihasilkan itu telah betul-betul kering, ia akan dimasukkan ke dalam tanur bagi tujuan pembakaran bisque. Tanah liat yang melalui proses pembakaran dengan suhu tertentu akan berubah menjadi keras dan dipanggil seramik. Suhu dan jangka masa pembakaran juga memberi kesan terhadap barangan tersebut. Lebih tinggi suhu yang dikenakan barangan akan menjadi lebih keras dan tahan lama. Sementara suhu yang lebih rendah akan menjadikan barangan tersebut lebih rapuh dan porous. Kebiasannya suhu dan cara pembakaran ini bergantung kepada keselesaan dan pengalaman pengkarya itu sendiri.

Setelah melalui pembakaran *bisque*, barangan seramik akan disapukan gerlis dan dibakar semula bagi tujuan kemasan akhir. Gerlis ialah selapis nipis kaca yang di letakkan di permukaan barangan seramik bagi tujuan ketahanan, dekorasi dan juga tujuan kalis kelembapan. Gerlis boleh dikenakan di permukaan barangan seramik dalam pelbagai warna, tekstur dan juga stail mengikut kehendak pengkarya itu sendiri. Pengkarya yang berpengalaman dan berkemahiran tinggi mampu menghasilkan pelbagai jenis gerlis yang mampu menjadikan barangan seramik ini lebih menarik dan bernilai tinggi.

Satu ciri penting dan utama bagi seramik buatan tangan ini ialah setiap satu barangan yang dihasilkan bersifat unik. Setiap karya atau barangan seramik yang dihasilkan mempunyai nilai tersendiri dan tiada persamaan pada seramik yang lain kerana hasilnya unik dan tersendiri yang dihasilkan oleh tangan seniman dan atau seseorang pengkarya itu. Hal ini menjadikan hasil seramik ini bukan sahaja sebagai satu karya seni malahan memberikan suatu perasaan yang istimewa dan bermakna kepada yang memilikinya.





#### Interpretasi artistik terhadap seramik buatan tangan

Nilai-nilai seperti individualiti, unik, tersendiri dan kebebasan dalam mengkespresi biasanya menjadi ciri-ciri yang terdapat dalam hasil seramik buatan tangan ini dan seterusnya memberikan nilai estetika tersendiri. Sebagai tambahan, seramik buatan tangan mampu juga berfungsi sebagai terapi dan boleh juga dianggap suatu meditasi melalui prosesnya yang unik. Proses pengulangan semasa membentuk tanah liat menjadi hasil seramik ini memberikan suatu perasaan yang tenang bagi pengkarya. Fokus dan tumpuan penuh yang diperlukan semasa berkarya memerlukan minda yang tenang dan jelas. Ramai pengkarya seramik buatan tangan ini berpandangan untuk menghasilkan sesuatu karya dengan menggunakan tangan memberikan suatu pengalaman menyeronokkan dan salah satu cara merehatkan minda.

Walaupun dengan kemajuan teknologi seramik yang dihasilkan melalui pengeluaran massa yang moden, tradisi pembuatan seramik buatan tangan ini akan sentiasa mendapat tempat di hati peminatnya dan kekal relevan sepanjang zaman. Pengkarya-pengkarya seramik buatan tangan ini akan sentiasa mencipta dan menghasilkan karya-karya dan barangan seramik yang unik dengan menggunakan teknik-teknik yang telah diwarisi berkurun-kurun lamanya. Penghasilan karya sama ada bersifat ekspresi artistik, terapi, ataupun hanya kecintaan terhadap seni kraf itu, tradisi penghasilan seramik buatan tangan ini akan sentiasa diterokai dan diminati.

# Set Pinggan Makan Port Marrison

**Lilineta Talib**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Pengalaman pada tahun 2008 ketika kami sekeluarga berhijrah ke United Kingdom kerana mengikut suami sambung belajar ke peringkat Doktor Falsafah selama 4 tahun merupakan permulaan minatnya kepada pinggan mangkuk jenama Portmeirion.

Manakan tidak setiap rumah pelajar Malaysia yang kami kunjungi menghidangkan pinggan makan jenama ini dengan perbagai corak bergantung pada corak bunga yang dijual. Portmeirion adalah set pinggan makan yang dijual oleh syarikat Britain iaitu Portmeirion Group. Mereka turut menjual barangan seramik, barang hadiah, barangan kaca dan wangian rumah diseluruh dunia.

Pada tahun 1972, Portmeirion Botanic Garden telah diperkenalkan. Ia telah direka oleh Susan Williams Ellis yang kemudiannya mendapat permintaan yang tinggi. Reka bentuk khas ini telah dilengkapi dengan motif dan bentuk yang baru. Portmeirion Botanic Garden terus menjadi corak yang mendapat permintaan tinggi di Portmeirion Group.

Seperti kebanyakan pinggan mahal lain, pinggan Portmeirion juga selamat untuk digunakan di dalam mesin pencuci pinggan. Warna krim semulajadi daripada tembikar seramik yang tebal dan legap membuatkan pinggan mangkuk ini sesuai digunakan secara harian bagi hidangan makan. Pembuatan tembikarnya dibakar pada suhu rendah dan proses gerlis bagi menjadikan ianya kalis air dan sesuai bagi di buat pinggan, cawan, teko, sudu dan lain-lain produk seperti dulang dan mangkuk salad. Oleh kerana pelbagai jenis bahan digunakan berbeza untuk jenis pinggan tertentu, ada yang boleh digunakan dalam ketuuh gelombang mikro dan ada yang tidak. Ia boleh diperiksa dengan melihat stem yang ditampal dibelakang pinggan.

Set pinggan makan portmerion corak bunga atau motif bergantung kepada 4 musim negara itu tetapi yang menjadi sambutan yang tinggi adalah Portmerion Botanic Garden yang coraknya dari bunga seperti sebuah lukisan di atas pinggan atau cawan. Antara corak motif nya adalah *Botanic Garden Poppy Coupe*, *Botanic Garden Laurel Leaf*, *Sophie Conran* dan *Sara Miller London*. Atas permintaan tinggi di Asia. Terdapat 3 buah kedai di buka di Portmeirion Shah Alam, Portmeirion Putrajaya dan Portmeirion Kuala Lumpur jika ingin membeli secara manual. Kami sekeluarga juga menjadikan set pinggan makan ini sebagai kegunaan harian dan walaupun digunakan setiap hari jangka hayat pinggannya masih baik dan warna corak motifnya masih cantik walaupun telah digunakan lebih dari 10 tahun hayat penggunaan. Bagi pandangan saya kepuasan penggunaannya sesuai dengan harga dan qualiti sepertimana slogan "*portmeirion not only beautiful but also functional and affordable.*"





Hasil Karya : MUHAMMAD ZIKRI MOHD KHAIRUDDIN

# Seramik: Seni Mencantikkan Kediaman dan Meningkatkan Nilai Hartanah

**Lizawati Abdullah**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Dunia seramik mampu memberi perbezaan ketara bagi sesuatu rumah atau kediaman. Potongan-potongan kecil dengan berbagai warna dan tekstur ini mampu memberikan sentuhan unik yang mengubah penampilan rumah dan meningkatkan nilai sesuatu hartanah. Jika melangkah kaki ke dalam ruangan dengan lantai seramik yang cantik, pasti tetamu atau pengunjung akan tertarik. Seramik bukan hanya sekadar material; ia adalah kanvas di mana kita dapat menciptakan suatu seni. Dengan berbagai pola, warna, dan tekstur, seramik mampu membawa suasana yang sesuai dengan tema dan aura sesuatu kediaman.

Pemilihan seramik yang tepat juga dapat mempengaruhi harga rumah. Nilai estetika yang diberikan oleh seramik mampu memikat pembeli hartanah. Rumah dengan reka bentuk dalaman yang cantik dan penggunaan seramik yang tepat akan memicu minat dan seterusnya dapat membentuk nilai yang lebih tinggi. Jadi, tidak hanya mencantikkan, seramik juga mampu memberi nilai yang lebih baik pada sesuatu hartanah. Seramik juga mengekspresikan kepribadian sesuatu kediaman. Setiap rumah memiliki cerita uniknya sendiri, dan seramik membantu dalam penceritaan tersebut. Jika ingin tampil moden, klasik, mahupun etnik, seramik memiliki pilihan yang tepat dalam mengetengahkan ekspresi tertentu. Dengan memilih seramik yang mencerminkan keperibadian pemilik, ia juga memberikan nilai tambah bagi kediaman.

Seramik turut memiliki banyak kegunaan yang bermanfaat dalam pembinaan hartanah. Dalam konteks pembinaan dan reka bentuk dalaman, seramik merupakan salah satu material yang sangat popular dan serbaguna. Antara kegunaan utama seramik dalam pembinaan kediaman adalah digunakan sebagai lantai di berbagai ruang dalam kediaman dan digunakan sebagai dinding baik di dalam mahupun di luar rumah. Penggunaannya dapat melindungi percikan di dapur, di ruang mandi, dan juga sebagai dinding luar bangunan. Seramik melindungi dinding dari kelembapan, kotoran, dan juga memberikan aspek estetika yang menarik. Sinki, pancuran, dan tab mandi juga sering kali diperbuat dari seramik atau porselin.

Kelebihan seramik antaranya tahan lama, mudah dibersihkan, tahan terhadap air, dan dengan pelbagai pola, warna, dan tekstur menarik memberi pilihan kepada pemilik kediaman untuk memilih sesuai dengan gaya mereka. Keunggulan seramik menjadikan ia sering dijadikan pilihan utama sebagai bahan dalam pembinaan kediaman. Seramik turut digunakan dalam produksi kaca yang melapisi pintu dan jendela untuk meningkatkan keselesaan dan tenaga. Lapisan seramik dapat membantu mengurangkan kepanasan dan radiasi UV yang masuk ke dalam kediaman.

Penggunaan seramik tidak terhad sebagai bahan binaan kediaman, ia juga dijadikan 'countertop' dapur, meja makan, ataupun meja kerja. Seramik tahan terhadap panas, calar dan noda, menjadikannya pilihan yang baik untuk ruang dalam kediaman seperti dapur. Seramik turut digunakan sebagai elemen dekoratif seperti mozek, atau panel dinding. Mozek seramik dapat memberikan sentuhan artistik pada dinding atau lantai, sementara panel seramik dapat menambah dimensi pada rekabentuk dalaman.

Seramik bukan hanya batu bata biasa; ia adalah seni yang hidup, membentuk ruang, dan memberikan karakter pada kediaman kita. Melalui kecantikan dan keunikannya, seramik dapat mempengaruhi estetika rumah dan nilai hartanah. Oleh itu, jadikan seramik sebagai elemen utama dalam proses mencantikkan rumah dan menaikkan nilai hartanah.





Hasil Karya : MUHAMMAD KHALISH SYAHMI SHAFIE

# Perkembangan Motif Tradisional dalam Budaya Masyarakat Moden Malaysia

**Mohd Nafis Saad**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Motif tradisional adalah antara elemen penting dalam budaya masyarakat di Malaysia. Ia dipengaruhi oleh kepekaan masyarakat terdahulu terhadap alam dan persekitaran. Motif ini diperlihatkan dalam bentuk unsur – unsur flora, fauna dan geometri. Corak dan ragam hias pula menghasilkan kepelbagaian melalui konsep susun atur dan pengulangan. Motif - motif tradisional ini mencerminkan kekayaan sejarah, identiti dan nilai budaya masyarakatnya.

Dalam beberapa dekad terakhir ini, penggunaan corak motif tradisional telah mengalami perkembangan yang menarik dalam budaya generasi baru masyarakat moden di Malaysia. Penulisan ini akan membincangkan mengenai transformasi motif tradisional dan kemampuannya sebagai peranan yang penting dalam membentuk identiti dan kebudayaan dalam era kemodenan di Malaysia.

Salah satu aspek yang paling menarik dalam perkembangan motif tradisional adalah keupayaannya mengakar umbi ke dalam seni visual dan rekaan moden. Generasi baru Malaysia telah mengambil inspirasi dari motif tradisional ini untuk mencipta karya seni visual yang menyatukan elemen-elemen motif tradisional dengan gaya kontemporari. Sebagai contoh dalam dunia fesyen, motif tradisional Melayu sering digunakan dalam rekaan pakaian dengan menjalinkan unsur-unsur motif tradisional dalam rekaan yang lebih moden. Ini bukan sahaja mampu memberi nafas baru pada rekaan motif tradisional tempatan tetapi juga memastikan warisan budaya ini tetap kekal relevan dalam dunia moden.

Selain itu, corak motif tradisional juga mendapat tempat dalam seni bina dan reka bentuk produk. Arkitek dan pereka produk sering mengambil inspirasi dari motif - motif ini dalam hiasan dan rekaan bangunan malahan mencipta produk yang menggabungkan keindahan tradisional dengan fungsi moden. Olahan motif tradisional melalui cetusan idea dan modifikasi ini dapat memelihara identiti budaya serta terus berkembang dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Motif tradisional juga memainkan peranan penting dalam seni pertunjukan dan persembahan budaya. Tarian dan muzik tradisional Melayu, Cina, India, suku kaum dan sebagainya masih menjadi bahagian penting dalam acara-acara budaya Malaysia. Generasi baru terus menghargai dan meneruskan tradisi ini, dengan menjadikan motif tradisional sebagai elemen utama dalam persembahan seni pertunjukan.

Melalui kesenian dan reka bentuk, generasi baru juga semakin sedar akan pentingnya melestarikan motif tradisional sebagai warisan budaya. Pemuliharaan dan pendokumentasian motif - motif tradisional dilihat semakin meningkat sejajar dengan dasar serta acuan negara Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa dan kaum. Dengan sokongan dari kerajaan, badan swasta korporat, pertubuhan bukan kerajaan, dan institusi pendidikan, pelbagai usaha – usaha telah dijalankan untuk mendidik generasi muda tentang makna dan nilai-nilai di sebalik motif tradisional ini dalam kepentingannya memelihara warisan budaya.

Kesimpulannya, motif – motif tradisional dalam perkembangan budaya masyarakat moden Malaysia perlu didukung dan dipelihara bagi mengekalkan warisan budaya agar tetap terus berkembang dan relevan dalam arus kemodenan. Ia membayangkan semangat kelangsungan budaya mampu bertahan jika elemen - elemen motif tradisional diterap sebagai jati diri dan dimanfaatkan dalam pelbagai aspek kehidupan.







# Peranan Seni Reka Grafik Dalam Seni Seramik Moden

**Mohd Nasiruddin Abdul Aziz**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Seni reka grafik adalah bentuk seni visual yang berfokus pada penggunaan elemen-elemen seperti garisan, warna, dan komposisi untuk mencipta rekaan dua dimensi seperti ilustrasi, poster, dan rekaan cetakan.

Di sisi lain, seni reka seramik adalah bentuk seni tiga dimensi yang berkaitan dengan penciptaan objek seni menggunakan tanah liat dan teknik pembentukan tangan, atau pencetakan. Perbezaan utama adalah dalam dimensi karya seni dan medium yang digunakan di mana seni reka grafik berfokus pada karya dua dimensi, manakala seni reka seramik melibatkan penciptaan objek tiga dimensi.

Seni reka grafik dan seni seramik adalah dua bentuk seni visual yang mungkin kelihatan berbeza tetapi sebenarnya memiliki hubungan kuat yang telah memberi sumbangan kepada industri seni dan kreativiti.

Artikel ini akan membincangkan peranan seni reka grafik dalam seni seramik, bagaimana interaksi di antara kedua-dua bidang ini membentuk seni seramik moden, dan mengapa hubungan ini begitu penting dalam dunia seni.

## Penciptaan Motif dan Reka Bentuk Unik

Dalam seni seramik, peranan seni reka grafik sangat penting dalam penciptaan motif dan reka bentuk yang unik. Pengkarya seramik menggunakan seni reka grafik sebagai alat untuk menggambarkan visual yang memukau dengan pelbagai elemen rekaan seperti garisan, warna, tekstur, dan komposisi. Pengkarya seramik dapat memanfaatkan kemahiran seni reka grafik untuk mencipta hiasan yang unik dan mencipta visual yang menarik pada seramik mereka.

Mereka juga boleh menggunakan seni reka grafik untuk mencipta motif berdasarkan alam semula jadi, budaya, atau tema tertentu yang memberikan identiti kepada karya seramik tersebut.

Seni reka grafik membuka peluang kepada seniman seramik untuk mencipta motif dan reka bentuk yang unik. Dengan kebolehan mereka dalam menggabungkan elemen-elemen rekaan visual menggunakan teknologi perisian komputer yang terkini, pengkarya seramik dapat mencipta hiasan yang sangat kreatif dan menarik. Misalnya, rekaan grafik yang diaplikasikan pada permukaan seramik dapat menghasilkan hiasan yang bersifat abstrak, figuratif, atau bahkan naratif, merungkai cerita melalui reka bentuk yang unik.

## Ekspresi Identiti Kreatif

Seniman seramik dapat menggunakan seni reka grafik untuk mencerminkan gaya peribadi mereka dalam karya seni. Ini merangkumi penggunaan warna, garisan, dan rekaan yang khas bagi setiap seniman. Contohnya, beberapa pengkarya mungkin cenderung ke arah abstrak yang berani, sementara yang lain mungkin lebih tertarik kepada rekaan figuratif yang halus.

Seni reka grafik membolehkan pengkarya untuk menghadirkan elemen-elemen ini dengan cara yang paling memenuhi keinginan dan identiti seni mereka.

Seni reka grafik memberi kebebasan untuk eksperimen dengan teknik dan medium yang berbeza.



Hasil Karya : NUR RISHA AIMAN MAKHTAR



Pengkarya seramik boleh mencuba pelbagai pendekatan, seperti teknik pencampuran warna, tekstur, atau teknik cetakan yang unik. Ini membolehkan mereka untuk memperluaskan kreativiti mereka dan mengeksplorasi pelbagai cara untuk menghasilkan karya seni yang unik dan inovatif.

Seni reka grafik juga membolehkan pengkarya seramik untuk menyuarakan isu-isu sosial, politik, atau budaya yang mereka anggap penting. Mereka boleh menggunakan elemen-elemen seni reka grafik untuk menyampaikan mesej atau membentuk naratif yang berkaitan dengan isu-isu ini.


Pendekatan ini membolehkan pengkarya seramik untuk menjadi seorang pengkarya yang kreatif dalam menyuarakan pandangan melalui karya seni mereka. Selain itu, seni reka grafik juga membolehkan pengkarya seramik untuk menggabungkan unsur-unsur tradisional dengan elemen-elemen kontemporari. Pendekatan ini membuka peluang untuk mencipta karya yang menghormati warisan seni seramik tradisional sambil menghadirkan perspektif yang segar dan modern. Gabungan ini memperkaya seni seramik dan menyelaraskan seni tradisional dengan keperluan dan cita rasa masyarakat masa kini.

#### Teknik Sepanjang Zaman



Seni reka grafik dalam seni seramik bukanlah satu perkembangan baru. Teknik-teknik seperti cetakan, lencana, dan penggunaan engob (campuran air, tanah liat, dan pigmen) telah digunakan dalam seni seramik selama berabad-abad untuk mencipta hiasan dan rekaan yang mengagumkan pada permukaan seramik.

Keberadaan teknik-teknik ini dalam seni seramik adalah bukti bahawa seni seramik telah lama memahami nilai estetika dan naratif dalam seni reka grafik.

Sebagai contoh, cetakan pada seramik membolehkan seniman untuk menghasilkan motif yang berulang dengan konsistensi yang tinggi, mencipta corak yang menarik dan indah pada permukaan seramik. Lencana (ceramic decals) juga membolehkan pengkarya untuk menambahkan elemen dekoratif dengan perincian yang halus, seperti ukiran atau tekstur yang menambahkan dimensi estetika kepada karya seni seramik.







Selain itu, penggunaan engob atau pencampuran pigmen dengan tanah liat menghasilkan warna dan tekstur yang kaya pada permukaan seramik. Teknik ini dapat menghasilkan kontras visual yang dramatis dan hiasan yang lebih kompleks.

#### Kepentingan Kolaborasi

Hubungan erat antara seni reka grafik dan seni seramik adalah penting dalam beberapa aspek. Pertama, ia menghidupkan seni seramik dengan memberikan dimensi tambahan dalam bentuk rekaan dan hiasan yang kreatif. Kedua, ini memperkaya pengalaman seni visual kita dengan membawa seni seramik ke dalam lingkup penglibatan yang lebih luas.

Kesimpulannya, seni reka grafik memainkan peranan penting dalam seni seramik dengan memberikan pengkarya seramik alat untuk mengekspresikan kreativiti, mesej, dan identiti mereka. Melalui penggunaan reka bentuk, motif, dan teknik grafik, seni seramik menjadi lebih dinamik, menarik, dan relevan dalam konteks seni visual masa kini.

Hubungan yang erat antara kedua-dua bidang ini membentuk seni seramik moden dan memastikan warisan seni seramik terus hidup dan berkembang dalam dunia seni yang semakin dinamik.





Hasil Karya : NUR BAITUN IZLEEN ABD GHANI



# Fotografi dalam Seramik: Pencahayaan dan Latar

**Mohd Radzuan Mohd Rafee**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Pendokumentasian seramik menggunakan fotografi merupakan satu medium yang umum digunakan untuk merakam proses pembinaan seramik secara visual.

Fotografi memungkinkan pengiat seramik dan pengumpul produk ini untuk menyimpan perkembangan karya-karya mereka dalam bentuk gambar yang dengan mudah dikongsikan dengan orang lain melalui pelbagai media. Penulisan ini akan memberi sedikit panduan tentang pemilihan pencahayaan dan penggunaan latar bagi mendokumentasikan seramik.

## Pemilihan Pencahayaan

Pemilihan pencahayaan yang baik adalah kunci untuk menciptakan gambar yang berkualiti. Pencahayaan yang tepat memainkan peranan penting dalam menyoroti objek dengan tepat dan mampu menghindari bayang dan pantulan yang tidak diinginkan. Cahaya pada umumnya dapat dibahagikan kepada dua iaitu cahaya semulajadi dan cahaya buatan.

Cahaya semulajadi sering dianggap sebagai sumber cahaya terbaik kerana ia memberikan warna yang lebih natural dan merata. Cahaya matahari juga memberikan rona yang berbeda tergantung pada perubahan waktu. Untuk lebih mudah difahami, cahaya di waktu pagi akan memberi kesan cahaya yang lebih lembut berbanding dengan cahaya yang dipancarkan pada waktu petang.

Cahaya Buatan pula kebiasaannya menjadi sumber cahaya yang terkadang sulit untuk dikelolai tanpa pengetahuan yang asas. Namun yang demikian, sifat cahaya ini adalah terinspirasi dari cahaya semulajadi cuma sumber cahaya ini memberi kesempatan kepada jurufoto untuk mengawalinya. Tambahan penggunaan cahaya buatan, seperti lampu studio fotografi, dapat memberikan pengaturan pencahayaan yang lebih konsisten dan dapat diatur sesuai dengan keperluan.

Cahaya studio juga sering digunakan untuk menghilangkan bayangan yang tidak diinginkan dan menciptakan kesan pencahayaan yang dramatik. Kepentingan pencahayaan ini juga merujuk kepada suhu warna yang bakal dizahirkan melalui cahaya yang dipilih.

Suhu warna cahaya ini dapat menciptakan tona berbeda dalam gambar. Cahaya dengan suhu warna yang lebih rendah (kuning) memberikan tampilan hangat, sementara cahaya dengan suhu warna yang lebih tinggi (biru) memberikan tampilan yang lebih dingin.

## Pemilihan Latar

Pemilihan latar yang tepat merupakan salah satu aspek penting dalam menciptakan komposisi visual yang menarik dan efektif. Dengan memilih latar yang sederhana, anda akan dapat mengurangi elemen-elemen yang dapat bersaing dengan produk seramik dalam hal daya tarik visual. Ketika latar belakang tidak memiliki banyak elemen maka mata penonton lebih cenderung dan lebih mudah beralih ke produk yang ada di depannya. Latar yang natural, seperti putih, kelabu, atau rona pastel adalah lebih cenderung kerana tona ini sukar untuk bersaing dengan warna-warna atau pola pada produk seramik.

Selain itu, disarankan untuk menghindari latar yang terlalu sesak atau berwarna cerah. Latar yang terlalu sesak, seperti latar belakang dengan banyak objek dapat menyebabkan gangguan visual dan membuat penonton sulit untuk fokus pada produk yang dirakam. Sementara latar berwarna cerah dapat menarik perhatian berlebihan dan mengalihkan fokus dari objek utama yang seharusnya menjadi pusat perhatian.

Pendokumentasian seramik menggunakan fotografi memainkan peranan penting dalam merakam proses pembinaan dan perkembangan karya seramik. Pemilihan pencahayaan yang baik dan pemilihan latar yang tepat adalah kunci utama dalam menciptakan gambar berkualiti yang menarik perhatian penonton terhadap produk dan proses seramik.

# Seramik dalam Senireka Perindustrian di Malaysia

**Mohd Rashidy Samsudin**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka*

Seramik adalah sejenis bahan yang telah menjadi sebahagian penting dalam senireka perindustrian di Malaysia. Ia bukan sahaja mempunyai sejarah yang tersendiri, tetapi juga memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan industri negara. Artikel ini akan mengkaji perkembangan seramik dalam senireka perindustrian Malaysia, dari asal-usulnya hingga penggunaannya yang meluas dalam pelbagai sektor.

Sejarah seramik di Malaysia boleh dikesan sejak zaman purba, khususnya semasa zaman prasejarah di Negeri Sembilan dan Perak. Orang tempatan menghasilkan seramik untuk kegunaan domestik seperti penyimpanan air dan peralatan memasak. Ini membuktikan bahawa seramik telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat tempatan sejak sekian lama.

Pada abad ke-20, dengan peningkatan pesat dalam senireka perindustrian, seramik mendapat tempat yang semakin penting dalam industri Malaysia. Perusahaan seramik berkembang dengan pesatnya dan meluas ke pelbagai sektor seperti pembinaan, senireka hiasan, dan industri elektronik.

Seramik di Malaysia telah mencapai pengiktirafan antarabangsa. Produk seramik tempatan sering diiktiraf dengan pelbagai anugerah dalam pertandingan senireka antarabangsa. Selain itu, perusahaan seramik di Malaysia juga menghasilkan produk bertaraf dunia yang dipasarkan di peringkat antarabangsa.

Kepentingannya dalam pembangunan negara terlihat dalam kebolehpercayaannya, keindahan seninya, peranannya dalam industri elektronik, dan impaknya terhadap ekonomi negara. Malaysia seharusnya terus menggalakkan perkembangan industri seramik untuk memastikan ia terus menjadi pemangkin utama dalam senireka perindustrian negara.





Hasil Karya : MOHAMAD NABIL IQBAL SHAHARUDDIN

# Eksplorasi Epik Keramik dalam Seni dan Alam Bina

**Muhammad Redza Rosman**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Seramik adalah suatu bahan yang sangat versatil. Penggunaannya dalam dunia seni dan alam bina telah wujud begitu lama. Penggunaan pertama bahan seramik dikatakan ditemui pada tahun 24,000 Sebelum Masihi. Walaupun telah lama wujud, penggunaan seramik masih relevan sehingga masa kini. Keramik adalah bahan yang berasaskan tanah liat. Bahan ini, yang mudah ditemui, menjadikannya bahan yang selalu digunakan untuk kegunaan harian. Dalam alam bina, tanah liat sering digunakan untuk pembuatan bata, atap genting, perkakasan sanitari, pembuatan simen, dan pelbagai lagi bahan binaan.

Dalam dunia seni, hasil produk seramik sering digunakan sebagai bahan pameran, pasu, pinggan mangkuk, jubin, dan arca-arca menarik yang nilainya boleh mencecah puluhan juta dolar Amerika. Siapa sangka bahan yang berasaskan tanah ini mampu diterjemahkan dalam begitu banyak bentuk dan fungsi, dan nilainya boleh berbeza dari suatu nilai yang sangat murah, kepada sesuatu yang nilainya begitu tinggi. Perkembangan teknologi masa kini turut memberi impak kepada sifat bahan, dalam kes ini, bahan seramik itu sendiri. Adunan bahan seramik melibatkan bahan-bahan tambahan lain, samada semula jadi, mahupun sintetik, dengan tujuan menambahbaik sifat bahan seramik sering menjadi topik kajian masa kini. Kajian-kajian yang dijalankan bertujuan untuk menghasilkan suatu bahan yang lebih baik sifatnya - dari segi kekuatan, ketahanan, kadar ketelusan kelembapan dan haba, dan estetik. Dengan adanya kajian ke atas bahan seramik ini, penggunaan seramik dalam kehidupan harian akan terus kekal relevan untuk kegunaan di masa kini.





Hasil Karya : NURIZZATI MOHD SIHAINI



# Seni Reka Hiasan Decal Pada Permukaan Produk Seramik Industri

**Mohd Shahrol Hanafi Mohd Raffie**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Perkataan *decal* mungkin asing bagi masyarakat yang tidak mengenali atau berkecimpung dalam bidang seramik. Namun bagi perusahaan produk seramik yang dihasilkan secara mass production, penggunaan *decal* sebagai hiasan produk seramik adalah sesuatu yang amat penting dan kadang kala menjadi suatu kemestian.

*Decal* adalah salah satu kaedah hiasan yang popular dalam perusahaan seramik perindustrian. Secara mudahnya, ianya boleh digambarkan sebagai pelekat yang bercorak hasil daripada cetakan pada sekeping kertas khas dan kemudiannya melalui kaedah tertentu corak yang dicetak pada permukaan kertas khas tersebut dialihkan ke permukaan seramik yang bergerlis. Bagi mengekalkan rekahias, *decal* tersebut perlu dibakar pada suhu tertentu bagi mengekalkan warna dan corak tersebut pada permukaan seramik.

Perkataan *decal* merupakan ringkasan daripada '*decalcomania*', sejenis kaedah dekorasi yang dihasilkan dari teknik ukiran dan cetakan, kemudiannya dipindahkan ke permukaan seramik atau material lain. Kaedah ini ditemukan oleh Simon Francois Ravenet, seorang pengukir dari Perancis dan kemudiannya berpindah ke England. Di sana, teknik ini diperkembangkan dan prosesnya dipanggil '*Decalquer*' yang bermaksud *to copy by tracing*. Teknik hiasan seramik ini kemudiannya berkembang dan semakin popular di penghujung abad ke-19.

Penggunaan teknik *decal* ini menjadi pilihan dalam penghasilan ragamhias seramik perindustrian kerana proses penghasilannya yang cepat dan boleh dihasilkan secara besar-besaran selaras dengan falsafah penghasilan produk industri. Di samping penghasilan yang cepat serta kurang berisiko, teknik *decal* ini boleh diselenggara oleh pekerja separuh mahir berbanding teknik – teknik dekorasi yang lain. Secara tidak langsung, ianya dapat menjimatkan kos buruh.

Fungsi *decal* dalam produk seramik.

Secara umumnya, fungsi *decal* adalah untuk memberi tambah nilai kepada sesuatu produk seramik. Melalui dekorasi kaedah *decal* yang menarik, sesuatu produk seramik itu mampu menarik perhatian pengguna untuk memiliki produk berkenaan.

Penggunaan dekorasi yang menarik dengan pemilihan imej dan warna serta susun atur yang mengikut citarasa pengguna, ditambah pula dengan kualiti *decal* yang bagus digunakan mampu melonjakkan nilai sesebuah produk berkali-kali ganda dari produk asal tanpa dekorasi.









Selain daripada itu, *decal* juga berfungsi sebagai merakam peristiwa. Sebenarnya, fungsi ini sudah lama dipraktikkan. Sejak zaman tamadun Mesir Purba selain daripada sebagai hiasan, dekorasi juga menjadi media untuk merakam aktiviti dan peristiwa yang berlaku. Jika diamati, penggunaan imej figura zaman mesir purba dijadikan motif hiasan pada permukaan seramik bagi merakam peristiwa yang berlaku pada ketika itu. Hal ini menjadi rujukan para sejarawan dalam mengkaji budaya dan sejarah masa lalu. Selain daripada itu, jika boleh diingati, majlis perkahwinan di raja British yang popular pada suatu ketika dahulu, antara Putera Charles dan Lady Diana pada 29 Julai 1981 turut diabadikan pada permukaan produk koleh dan pinggan seramik menggunakan teknik *decal*. Malah sehingga kini, teknik hiasan *decal* masih digunakan bagi merakam peristiwa dan upacara-upacara tertentu.

*Decal* juga digunakan untuk mengekspresikan fungsi sesuatu produk. Jika produk seramik untuk kegunaan dapur dan berfungsi untuk mengisi bahan-bahan mentah masakan, terdapat juga produk yang menggunakan *decal* sebagai label untuk bahan masakan dengan dekorasi tertentu. Ini membuatkan produk nampak lebih eksklusif untuk keperluan tertentu.

Bagi tujuan mempromosikan sesebuah kompeni, kaedah *decal* juga memainkan peranan sebagai penghias logo syarikat pada permukaan produk. Banyak syarikat yang menggunakan kaedah ini untuk tujuan promosi dan sebagai cenderamata dari syarikat, tidak kurang juga sebagai salah satu produk jualan sampingan. Produk-produk ini secara tidak langsung menambah pengikut kepada produk tertentu.

Selain daripada itu, jika dilihat di bawah setiap produk seramik, sering tertera tanda niaga berupa logo dan tulisan syarikat pengeluar. Ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada pengguna jenama pengilang produk seramik yang mereka sedang gunakan.

Penutup.

Secara umumnya, dekorasi berasaskan teknik *decal* ini masih menjadi pilihan dalam penghasilan produk seramik industri. Perkembangan rekabentuk yang semakin terarah kepada penggunaan teknik (CAD/CAM) juga menjadi penyebab kepada perkembangan penggunaan teknik ini. Teknologi pembuatan seramik semakin maju, begitu juga penggunaan rekaan hiasan seramik juga semakin berkembang dengan penggunaan perisian computer khusus sehinggalah kepada penghasilan cetakan *decal* secara digital. Rekacorak seramik dari *decal* ini menjadi semakin mudah dan proses penghasilan *decal* untuk tujuan dekorasi produk seramik juga dapat dipercepatkan.

# Kemewahan Porselin: Sumber Inspirasi dalam Rekaan Fesyen

**Muhammad Khalik Mustafa**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Porselin, bahan yang selalu dikaitkan dengan keanggunan, kehalusan, dan kemewahan, telah menjadi sumber inspirasi yang luar biasa dalam dunia rekaan fesyen. Dalam artikel ini, kita akan menyelami bagaimana kecantikan dan warisan porselin telah mengilhami pereka-pereka fesyen untuk mencipta koleksi yang unik dan memukau.

Sejarah porselin yang kaya dan berusia berabad-abad lamanya bermula di China, di mana kemahiran dalam menghasilkan porselin yang indah telah menjadi warisan yang sangat dihargai. Porselin adalah sejenis seramik halus dan tembus cahaya. Porselin bukan hanya bahan untuk peralatan rumah, tetapi juga karya seni yang melambangkan kegemilangan dan ketamadunan budaya dan kemahiran seni pembuatan tangan. Pengaruh porselin dalam fesyen bermula dengan penggunaan corak-corak porselin yang rumit, bentuk-bentuk yang menarik seperti pasu dan barangan pembuatan dari seramik, dan nuansa warna yang lembut. Namun, corak biru dan putih yang ornamental tidak menjadi terkenal sehingga dinasti Yuan yang diperintah oleh Mongol (1271-1368). Sebelum itu, rekaan yang lebih halus seperti celadon (glasir hijau pucat) lebih menjadi pilihan.

Salah satu cara utama porselin mempengaruhi rekaan fesyen adalah melalui corak dan motifnya yang halus. Corak bunga, lanskap yang rumit, dan corak geometri yang terdapat pada porselin sering kali diintegrasikan ke dalam fabrik fesyen. Ini mencipta tekstil yang unik dan memukau yang memberikan kesan yang sangat elegan pada corak-corak yang dihasilkan pada kain. Porselin juga mempengaruhi siluet dalam fesyen. Banyak porselin memiliki bentuk yang anggun dan siluet yang rapi, dan ini telah diterapkan ke dalam rekaan pakaian, termasuk pakaian malam dan aksesori. Porselin memberikan impak pakaian itu melalui sentuhan kehalusan reka corak dan keanggunan yang khas yang terdapat pada ciri-ciri porselin. Teknik inovatif juga digunakan untuk memasukkan elemen porselin ke dalam fesyen. Porselin boleh dihancurkan menjadi serbuk halus dan dicampurkan dengan fabrik untuk mencipta tekstil yang mempunyai kilauan dan tekstur yang khas dan tersendiri.

Selain daripada aspek estetika, integrasi porselin ke dalam fesyen juga melibatkan penghargaan terhadap warisan budaya. Ia membolehkan pereka fesyen menceritakan kisah melalui koleksi mereka dan menghormati budaya yang telah menyumbang kepada dunia porselin. Dalam dunia moden yang semakin mengutamakan kelestarian alam, rekaan fesyen yang mengambil inspirasi dari porselin juga memberikan tumpuan kepada faktor alam sekitar. Pereka fesyen berusaha untuk mengurangkan pembaziran dan mewujudkan rekaan yang tahan lama.

Jadi, porselin bukan sahaja menjadi sumber inspirasi dalam fesyen, tetapi juga melambangkan keanggunan, keindahan, dan warisan budaya yang kaya. Integrasi porselin dalam dunia fesyen membuktikan bahawa kecantikan dan kreativiti tidak mempunyai batasan, dan warisan budaya yang indah dapat menjadi sumber inspirasi yang abadi dalam rekaan fesyen.







# Kreativiti dalam Seni Seramik

**Muhammad Salehuddin Zakaria**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Baharom (2015) menyatakan, satu proses asas penyelidikan dan perkembangan idea dengan sumbang saran dan membuat lakaran perlu dilakukan sebelum sesebuah karya atau produk dihasilkan. Kemudian bahan-bahan berkaitan mengikut tema yang telah dirancang melalui penyelidikan yang dijalankan menggunakan sumber rujukan seperti buku, majalah seni, laman web, muzium atau mengkaji alam semula jadi di sekeliling. (Terra Firma 2021).

Penghasilan karya senireka seramik memerlukan kreativiti yang tinggi. Hal ini kerana kreativiti adalah aspek yang sangat penting dalam penghasilannya. Ini adalah kemampuan untuk mengolah idea-idea, ekspresi, dan kemahiran dengan cara yang unik dan asli. Dalam senireka seramik, kreativiti dapat bermanifestasi dalam pelbagai cara. Berikut adalah beberapa cara di mana kreativiti dapat dicerminkan dalam penghasilan karya melalui konsep unik. Hal ini kerana kreativiti sering dimulakan dengan pengembangan konsep atau gagasan yang unik. Pengkarya dapat mencipta konsep yang belum pernah dilihat sebelumnya, menggabungkan idea-idea yang berbeza, atau memberikan sudut pandang baru terhadap sesuatu kajian yang dijalankan. Selain itu, penjanaan idea kreatif dalam senireka seramik juga melalui kaedah ekspresi peribadi yang dialami dengan mengungkapkan diri mereka sendiri dengan cara yang sangat peribadi. Karya senireka seramik akan mencerminkan perasaan, pengalaman, dan pemikiran peribadi pengkarya. Tambahan lagi, selain daripada penggunaan tanah liat, pengkarya juga boleh mengeksplorasi media dan teknik dengan mencuba teknik-teknik baru, menggabungkan media yang berbeza, atau bermain-main dengan bahan yang tidak konvensional untuk mencipta kesan visual atau tekstur yang menarik dalam penghasilan senireka seramik. Seterusnya, melalui sentuhan kreatif yang diterjemahkan dalam karya dapat menyampaikan mesej atau cerita dalam sesebuah karya. Dalam seni naratif, kreativiti dapat dilihat dalam cara pengkarya menyampaikan mesej atau cerita. Pengkarya mungkin menggunakan metafora, simbolisme, atau narasi visual untuk mengkomunikasikan idea-idea kompleks atau emosi yang mendalam agar sesebuah karya tampil lebih menarik.

Kesimpulannya, kreativiti adalah aspek yang sangat subjektif dan boleh berbeza dari satu pengkarya kepada pengkarya yang lain. Ini adalah kekuatan yang mendorong senireka seramik untuk terus berkembang dan menginspirasi audiens dengan cara yang berbeza-beza. .



Hasil Karya : MUHAMMAD SIROJULMUNIR JAZLAN

# Keindahan Suralisme dalam karya Seramik

**Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin**


*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Keunikan karya seramik dapat dilihat lebih daripada objek hiasan semata atau secara produk berfungsi, dan lebih kepada subjektiviti pengguna, pemilik atau penjaga karya tertentu. Hubungan antara surealis dan seramik, dengan pemikiran ini, karya seramik kadangkala boleh bermula daripada rasa ingin tahu dalam meneroka bahan, objek tertentu, proses pembuatan, atau daripada idea atau perasaan sesuatu.

Menerapkan perkara yang tidak nyata atau keadaan yang pernah berlaku dalam kehidupan seharian, walaupun ianya bersifat sementara tetapi apabila dizahirkan kedalam karya seramik, ia memberi impak yang sangat menyeronokkan. Sekaligus membuatkan audiens kegirangan lalu melihat dan berfikir bagaimana berlakunya penghasilan karya tersebut. Ia boleh diklasifikasikan sama ada kontemporari atau tradisional dan, sama pentingnya, sifat material karya juga kekal.

Melihat kepada karya artis Umibaizurah Mahir bertajuk *Private Gain 1* (2017, Seramik & Media Campuran, 29.8 x 15.3 x 15.1cm) walaupun gambaran seperti mainan kanak-kanak tetapi sebaliknya ianya bukanlah seperti yang disangkakan. Karya ini penuh makna dan estetik dengan imejan dan permukaan rumit oleh setiap objek yang digunakan dalam karya.

Sifat surealisme dalam karya seramik menimbulkan rasa ingin tahu seolah-olah ia wujud di alam nyata tetapi juga menjadi sesuatu kelainan. Menghasilkan satu bentuk keanehan dan ketidakpastian pada karya seramik, menggambarkan objek tersebut dalam perincian yang teliti, hampir menidakkan realistik, secara tidak langsung membuka ruang lingkup eksplorasi kepada pengkarya seramik juga memberi peluang masyarakat mengenali seni seramik secara dekat.







Hasil Karya : RAJA IQMAL

# Singgora Elemen Seni Bina yang Perlu Dikekalkan

**Nurul Fadzila Zahari**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Setelah 60 tahun Malaysia merdeka, pastinya banyak warisan negara yang tersimpan dan perlu dipelihara untuk generasi yang akan datang. Gaya senibina rumah Melayu tradisional adalah satu warisan budaya yang penting dan salah satu elemen dalam senibina rumah Melayu adalah atap genting. Singgora adalah sejenis atap tradisional yang digunakan dalam seni bina Melayu, terutamanya di Malaysia dan Indonesia. Atap Singgora merupakan atap yang dihasilkan menggunakan tanah liat jenis *terracotta* dan dibakar setelah dibentuk menggunakan acuan. Kepingan atap ini disusun bertindih antara satu sama lain yang diatur dengan teliti diatas bumbung rumah tradisional melayu. Teknik penghasilan Singora yang tradisional dan penuh tertib dapat mencipta bentuk yang unik. Atap tradisional ini adalah salah satu ciri unik dalam seni bina tradisional Melayu dan merupakan sebahagian daripada warisan budaya yang perlu dikekalkan dan dihargai.

Kemampuan untuk melestarikan dan mewarisi ilmu pengetahuan mengenai atap Singgora ini adalah penting dalam menjaga warisan budaya kita seterusnya mengekalkan seni budaya milik orang Melayu di Malaysia. Ini memastikan bahawa generasi akan datang dapat menghargai dan memahami keindahan seni bina tradisional seperti atap Singgora.





Hasil Karya : NUR AINAA ZUHAIKHAH MOHD ZAHARIN



# Seramik Sebagai Bahan Pembinaan

Nurhasyimah Ahmad Zamri

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak


Seramik adalah bahan yang sering digunakan dalam industri pembinaan untuk pelbagai aplikasi. Seramik diperbuat daripada tanah liat, pasir, dan bahan-bahan mineral lain yang dicampur, dibentuk dan dibakar pada suhu tinggi untuk menghasilkan bahan yang tahan terhadap suhu tinggi, kelembapan dan pengaratan. Seramik boleh didapati dalam pelbagai bentuk, saiz, dan warna, dan menjadikannya pilihan yang serbaguna untuk pelbagai projek pembinaan. Terdapat beberapa aplikasi daripada bahan seramik yang biasa digunakan dalam pembinaan, termasuk aplikasi jubin, bata, paip bawah tanah dan juga atap genting.

Lantai dan dinding seramik adalah salah satu penggunaan bahan seramik dalam pembinaan. Ia digunakan dalam ruangan bilik mandi, dapur, ruang tamu, dan bahagian-bahagian lain di rumah atau bangunan. Permukaannya mempunyai corak dan gambar yang memberikan nilai estetika dan hiasan dalaman bagi sesuatu ruang. Jubin seramik mempunyai sifat yang tahan lama, tahan air, dan mudah dibersihkan. Dalam industri komersial pula jubin seramik berkilat digunakan seperti di pusat membeli-belah, hotel, dan restoran kerana ia tahan lama dan mudah dijaga.

Sistem pembinaan batu bata seramik telah digunakan secara meluas di seluruh dunia dalam industri pembinaan selama berabad-abad sebagai batu struktur serta pengedap. Bata seramik mempunyai banyak kelebihan antaranya ia tahan lama, bahan mesra alam, sejuk, dan ia juga mempunyai rintangan terhadap api. Bata seramik boleh dihasilkan dalam bentuk padat dan berongga. Bata padat adalah kepingan pepejal yang tahan lama tanpa lubang dan rongga. Beratnya adalah dari 3 hingga 4 kg, dan kekonduksian termalnya adalah dari 0.45 hingga 0.8 W / m<sup>2</sup> · ° C. Ia sesuai untuk untuk pembuatan partition dalaman yang kuat dan juga dinding gelas beban. Bata berongga pula adalah bata yang mempunyai lubang (bulat atau persegi). Beratnya dari 2 hingga 2.5 kilogram dengan kekonduksian termalnya kurang (dari 0.3 hingga 0.55 W / m<sup>2</sup> · ° C). Rongga yang terdapat pada bata ini adalah dari 15 hingga 55%. Bata seramik berongga ini sesuai untuk pembinaan dinding luaran.

Paip bawah tanah seramik adalah saluran paip yang diperbuat daripada seramik dan digunakan untuk sistem saliran air bawah tanah dalam aplikasi pembinaan. Paip seramik sangat tahan terhadap tekanan dan beban. Ini menjadikannya pilihan yang baik untuk aplikasi saliran air bawah tanah yang memerlukan kekuatan struktural. Seramik adalah bahan yang tahan daripada hakisan dan tidak akan reput atau teroksidasi dari air atau bahan kimia dalam tanah. Paip seramik tahan terhadap suhu ekstrem, yang menjadikannya sesuai untuk pelbagai persekitaran iklim. Seramik adalah bahan yang tidak membiakkan bakteria dan tidak menyokong pertumbuhan mikroorganisma, menjadikannya selamat untuk penggunaan dalam aplikasi air minum.

Atap genting seramik adalah jenis atap yang dibuat daripada seramik atau tanah liat yang ditempa dan dibakar pada suhu tinggi untuk membentuk genting. Genting seramik sering digunakan dalam pembinaan sebagai pelindung atap dan memberikan perlindungan daripada elemen cuaca seperti hujan, salji, panas matahari, dan angin. Ini adalah pilihan atap yang tahan lama dan estetik yang popular dalam seni bina tradisional dan seni bina moden. Genting seramik biasanya sangat tahan lama dan mampu bertahan selama berpuluh-puluh tahun atau lebih. Genting seramik mempunyai penampilan yang menarik dan estetik, yang menjadikannya pilihan popular untuk pelbagai jenis bangunan, termasuk rumah kediaman, bangunan komersial, dan bangunan bersejarah. Genting seramik datang dalam pelbagai warna dan reka bentuk, membolehkan pemilik rumah memilih yang sesuai dengan gaya mereka. Genting seramik biasanya memerlukan penyelenggaraan yang minimum. Mereka tidak memerlukan penggantian kerap seperti atap berbahan komposit. Genting seramik tahan terhadap kelembapan dan tidak reput, menjadikannya sesuai untuk kawasan yang sering hujan atau berkelembapan tinggi. Pemilihan atap genting seramik adalah bergantung kepada keperluan reka bentuk, anggaran, dan faktor-faktor lain seperti struktur bangunan dan iklim tempatan. Walaupun genting seramik adalah pilihan atap yang tradisional, ia masih digunakan secara meluas dalam projek-projek pembinaan moden.





*Hasil Karya : MUBARAK JAMIL*

# Magis Seramik dalam Bidang Hartanah: Kecantikan, Keselesaan, dan Nilai

**Nurul Sahida Fauzi**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Seramik merupakan bahan binaan bangunan yang sering diabaikan kepentingannya. Walaubagaimanapun, sebenarnya seramik juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan nilai sesuatu hartanah itu. Walaupun seramik biasanya dianggap sebagai salah satu bentuk seni dalam bahan bangunan, namun, penggunaanya yang kreatif dalam reka bentuk dalaman dan luaran hartanah boleh memberikan penampilan visual yang menarik yang secara tidak langsung mempengaruhi nilai hartanah tersebut.

Seramik bukan sahaja bahan binaan yang praktikal tetapi ia juga merupakan seni binaan yang memukau. Di mana jubin seramik yang dipilih dengan teliti dengan corak dan warna yang menarik serta elegan dapat memberi nilai komersial terhadap rumah atau bangunan. Malah penggunaan seramik dapat meningkatkan penampilan dan nilai estetik sesuatu ruang. Keindahan ini tidak hanya memikat mata bakal pembeli tetapi juga meningkatkan nilai hartanah.

Seramik digunakan dengan cara yang unik dalam senibina di seluruh dunia seperti di Sepanyol, Turki, dan China dimana mereka mempunyai warisan seramik yang mempesonakan. Hal ini menjadikan senibina di negara tersebut menjadi sebagai salah satu tarikan pelancongan. Jubin seramik Azulejo Portugal yang menghiasi banyak bangunan bersejarah Porto menambah keindahan bandar itu. Di Italy, senibina basilika dan bangunan bersejarah lainnya menggabungkan jubin seramik yang menakjubkan. Manakala di Sepanyol dan Morocco pula terkenal dengan senibina Moorish dengan seramik berwarna-warni digunakan dalam senibina. Di Malaysia pula, seramik telah digunakan secara meluas dalam senibina masjid, istana, dan bangunan bersejarah lainnya di seluruh negara.

Satu lagi aspek penting ialah ketahanan seramik itu sendiri. Seramik adalah bahan yang tahan lasak dan tahan lama. Hartanah yang menggunakan seramik berkualiti tinggi cenderung mempunyai nilai yang lebih tinggi. Pembeli hartanah yang menghargai bahan yang tidak memerlukan penggantian atau penyelenggaraan yang kerap akan memanfaatkan penggunaan seramik dalam senibina hartanahnya. Bukan sahaja tahan lama, malah seramik juga mudah untuk diselenggara. Seramik adalah bahan yang mudah dibersihkan dan tahan terhadap kerosakan akibat air dan habuk. Ini menjadikannya pilihan terbaik untuk lantai dan dinding bilik mandi dan dapur. Penggunaan seramik yang sesuai di kawasan luar dan kolam renang dapat meningkatkan keselamatan penggunaanya.

Bukan itu sahaja, seramik dapat digunakan dalam sistem pemanasan dan penyejukan lantai yang berkesan. Ia membantu mengurangkan kos penggunaan tenaga dan memberikan keselesaan tambahan kepada penghuni. Ini adalah faktor penting yang dapat meningkatkan keberkesanan penggunaan tenaga pada hartanah tersebut dan sedikit sebanyak dapat mempengaruhi nilai hartanah dari perspektif pembeli yang prihatin dengan penjimatan tenaga.

Reka bentuk dalaman yang sesuai dengan seramik dapat mencipta suasana yang selesa dan menarik. Penggunaan seramik yang bijak boleh memberikan rumah atau bangunan kesan yang menyenangkan dan menyamankan. Ini dapat memberi nilai tambah kepada penghuni dan secara langsung juga menyumbang kepada nilai hartanah.

Seramik adalah lebih daripada sekadar bahan bangunan; ia adalah elemen yang memberikan kesan besar dalam bidang hartanah. Dalam pembelian atau pelaburan hartanah, seramik memainkan peranan penting dalam menentukan nilai dan kualiti hartanah. Semakin banyak pembeli dan pemilik hartanah yang menyedari potensi seramik untuk meningkatkan keindahan, keselesaan, dan keberkesanan tenaga hartanah. Oleh itu, janganlah kita terlepas pandang magis seramik dalam hartanah kita.







*Hasil Karya : NOR AZLIN MOHD YAZID*





Hasil Karya : SITI NUR AISHAH BINTI RAZALI



# Kecantikan Visual Tarik Perhatian

**Nurul Shima Taharuddin**  
**Gladys Taggie**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Daya tarikan visual adalah salah satu faktor dalam proses jual beli karya seni. Ketika seseorang melihat karya seni, reaksi pertamanya sering kali didasarkan pada apa yang mereka lihat secara visual. Komposisi pada karya dan cara elemen-elemen seni disusun atau diatur adalah komponen penting dalam daya tarik visual.

Komposisi yang baik dan menarik dapat menciptakan keseimbangan, ritma, dan harmoni yang membuat karya seni lebih menarik untuk dilihat. Pemilihan warna yang bersesuaian dan terkini. Penggunaan warna dalam karya seni dapat memengaruhi perasaan dan mood penonton. Warna-warna yang hidup dan seimbang seringkali lebih menarik daripada warna-warna yang datar atau tidak seimbang.

Teknik seni yang digunakan oleh pengkarya, seperti teknik lukisan atau pahat, dapat mempengaruhi daya tarik visual. Kekemasan yang halus atau sentuhan kasar dapat memberikan karakter yang unik pada karya seni. Karya seni yang memiliki konsep yang kuat atau idea yang menarik juga dapat meningkatkan daya tarikan visual. Penonton sering tertarik pada karya seni yang memiliki makna atau mesej yang mendalam.

Ukuran dan dimensi karya seni juga memainkan peranan dalam daya tarik visual. Karya seni besar dapat menciptakan dampak yang lebih besar, sementara karya seni kecil dapat menciptakan perasaan keintiman. Karya seni yang unik dan tidak biasa seringkali lebih menarik.

Keunikan ini merupakan gaya seni yang berbeza atau pendekatan yang tidak konvensional terhadap media seni tertentu. Kesesuaian pengayaan karya sebagai hiasan dan pameran, karya seni yang dipamerkan di ruang tertentu, seperti galeri atau rumah, harus sesuai dengan suasananya. Ini termasuk mempertimbangkan warna dinding, pencahayaan, dan dekorasi lainnya.

Karya seni seringkali dapat mengungkapkan emosi dan perasaan pengkarya. Daya tarik visual dapat ditingkatkan jika karya seni mampu berkomunikasi dengan penyampaian emosi yang kuat kepada penonton.

# Karya Sebagai Sumber Pendapatan : Rupabentuk Dan Nilai Seni Perlu Seiring

**Nurul Shima Taharuddin**  
**Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apani**  
*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Karya seni kebiasaannya dihasilkan bertujuan jualan atau sebagai luahan hati dan pemikiran si pengkarya. Tetapi selalunya pengkarya menghasilkan karya untuk dijual. Ianya merupakan sumber kewangan dan pendapatan, juga adalah bagi menampung kos penghasilan. Untuk menjual sebuah karya seni rupa bentuk dan nilai estetik sangat penting. Terdapat perbincangan dan pendapat, mengapa rupa bentuk dan nilai estetik sangat relevan dalam pemasaran dan penjualan karya seni. Penilaian pembeli atau penonton kebiasaannya adalah pada daya tarikan visual. Karya seni yang menarik secara visual memiliki kemampuan untuk menarik perhatian kerana penonton cenderung tertarik pada karya seni yang memiliki rupa bentuk yang indah dan menawan. Rupa bentuk yang dihasilkan sesuai dengan tema atau mesej yang ingin disampaikan oleh pengkarya dapat membuat karya seni lebih menyerlah. Karya seni yang memiliki nilai estetik yang tinggi seringkali dianggap lebih berharga. Pembeli sanggup berbelanja lebih untuk karya seni yang dianggap indah dan memiliki nilai estetik yang tinggi.

Rupa bentuk dan nilai estetik dalam karya seni dapat memengaruhi emosi bakal pembeli. Karya seni yang dapat memberi inspirasi, membangkitkan perasaan, atau menciptakan ikatan emosional dengan pengumpul karya selalunya lebih diberi tumpuan dan perhatian, lebih-lebih lagi jika karya tersebut mempunyai mesej yang dekat dengan bakal pembeli. Di samping itu, karya seni yang memiliki rupa bentuk yang unik dan berbeza dari yang lain juga menjadi nilai tambah pada pasaran karya tersebut. Namun, pemahaman terhadap kualiti dan nilai estetik adalah subjektif. Apa yang dianggap indah oleh seorang pengumpul karya atau pembeli mungkin tidak sama dengan orang lain. Oleh itu, penting bagi pengkarya untuk memahami kehendak pengumpul karya atau pembeli. Selain pameran karya seni secara fizikal, pemasaran digital dapat membantu meningkatkan penjualan karya seni pada masa kini.





Hasil Karya : SITI NUR AISHAH BINTI RAZALI

# Seramik, Persekitaran Dan Psikologi Dalam Alam Bina

**Nuzaihan Aras Agus Salim**

*Universiti Sains Malaysia*

Seramik merupakan salah satu bahan binaan yang terpenting dalam senibina. Penggunaannya dikaji dapat memberikan kesan yang baik kepada dalaman dan luaran bangunan supaya ia dapat menyeimbangkan pemindahan haba, mengawal suhu dalam bangunan, dan memberikan impak terhadap emosi manusia. Ini disebabkan seramik merupakan bahan semulajadi dari alam yang mampu memberikan kesejukan dari segi saintifik dan psikologi manusia.

Penggunaan seramik dalam alam bina yang dikaitkan dengan persekitaran banyak digunakan sebagai kemasan lantai, kemasan dinding, dan kemasan bumbung. Tidak ketinggalan juga ia digunakan sebagai hiasan di luar dan di laman bangunan. Warna aslinya cukup menjadikan bahan berkenaan lebih unik dan menyejukkan. Penggunaan seramik dipercayai dapat mengurangkan tekanan dan menurunkan suhu badan melalui sentuhan. Ia banyak digunakan dalam meditasi dan mengembalikan keseimbangan emosi seseorang.

Berbalik kepada senibina, rekabentuk digunakan untuk mewujudkan emosi dalam bangunan untuk menaikkan fungsi bangunan. Namun, tidak ramai menyedari bahawa penggunaan seramik sebagai bahan binaan membantu membentuk emosi tertentu selain dari fungsi sesebuah bangunan atau ruang. Sebagai contoh, senibina di Bali banyak menggunakan bahan semulajadi dalam binaan dan ia menjadi peranan untuk memainkan emosi ketenangan, nyaman, dan damai. Penggunaan bahan semulajadi acap kali dilihat lebih terapeutik dan santai. Ia dipercayai mengembalikan minda dan emosi dalam sinergi semula jadi. Keseimbangan ini membuka minda dan pemikiran menjadi lebih kreatif dan energetik.

Fungsi seramik bukan sekadar dilihat dari segi estetik senibina mahupun fungsian saintifik malah ia boleh berfungsi dalam membantu pembinaan persekitaran dan psikologi yang positif. Kesempurnaan bahan ini yang diwujudkan oleh Penciptanya terlalu sempurna dari segenap fungsi, ruang, dan alam termasuk binaan buatan manusia.





Hasil Karya : MUHAMMAD FARIS



# Fotografi dan Seramik: Pandangan dan Panduan Menghasilkan Visual Karya Seramik Melalui Fotografi

**Norhaslinda Shafie**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menangkap gambar seramik yang berkualiti tinggi dapat meningkatkan kemampuan sasaran peminat seramik dan memupuk nilai estetika yang diinginkan dalam karya seramik. Artikel ini bertujuan untuk memberikan idea dan panduan untuk memulakan usaha menghasilkan gambar karya seni seramik menggunakan fotografi.

Fotografi adalah cara komunikasi yang mudah difahami dan digunakan secara meluas. Menghasilkan fotografi yang menarik secara visual dan dilaksanakan dengan baik sangat penting bagi pengiat seni seramik. Fotografi berfungsi sebagai satu kaedah untuk memikat sasaran peminat seramik kerana melalui fotografi, komposisi artistik merangkumi makna semantik, kualiti afektif dan unsur emosi dapat dipertunjukkan.

Bagaimana proses fotografi dirancang? Apakah langkah yang perlu diambil?

Untuk menyusun strategi sesi fotografi, langkah awal adalah pemilihan karya seramik itu sendiri berdasarkan pada skema warna dan resonansi emosi yang dimaksudkan untuk disampaikan melalui foto yang dihasilkan. Jika pengiat seramik suka akan kontras, jadi apabila pengiat seramik menghasilkan seramik berwarna jingga, penggunaan latar belakang dan penggunaan prop berlawanan warna perlu untuk mewujudkan unsur kontras di dalam visual, dengan itu ianya mampu mengarahkan perhatian ke arah karya seramik dan menghasilkan imej yang bersemangat.

Apakah cadangan untuk mengoptimumkan kaedah pencahayaan?

Salah satu pendekatan yang disyorkan untuk menangkap gambar dalam keadaan cahaya rendah, terutamanya jika tidak ada pencahayaan buatan, adalah dengan meletakkan karya seramik berdekatan dengan tingkap. Kualiti cahaya semula jadi boleh menjadi cahaya yang luar biasa, dengan syarat karya seramik diletakkan secara strategik di lokasi yang optimum. Menggunakan kedudukan *lateral* atau *frontal* sumber cahaya pada sudut 45 darjah boleh meningkatkan persepsi jumlah dan bayangan untuk menghasilkan kesan visual yang menawan. Konsep inovatif boleh ditambah dengan melibatkan penggunaan sinar matahari sebagai medium. Dengan meletakkan prop secara strategik, seperti tumbuh-tumbuhan, di cahaya matahari, ianya dapat menghasilkan bayangan imajinatif dan artistik.

Adakah penggunaan prop penting dalam fotografi?

Di dalam fotografi, menggunakan prop atau alat tambahan adalah untuk membina naratif yang koheren. Adalah lebih menarik jika menggabungkan ciri-ciri seperti menggunakan hiasan atau objek yang sedia ada di sekeliling untuk meningkatkan komposisi visual.

Apakah kepentingan latar belakang?

Penggunaan latar belakang dalam fotografi seramik tidak boleh secara berlebih-lebihan, kerana latar belakang yang tidak teratur dapat mengurangkan perhatian kepada subjek utama kerana imej yang akan terhasil dapat mengalihkan tumpuan dari titik fokus yang dimaksudkan. Sebagai contoh, imej seramik dapat dihasilkan dengan menggabungkan latar belakang yang bertenaga lantas ianya memberi kesan estetik kerana dapat mencipta kontras yang menarik dan dapat meningkatkan kesan visualnya.





Memahami kerumitan menangkap imej objek seramik mungkin dianggap sebagai usaha yang mencabar, terutamanya berkaitan dengan aspek teknologi seperti peralatan kamera khusus yang digunakan.

Sebagai jurugambar, mempunyai kamera seiring arus teknologi akan menjadikan proses menghasilkan gambar seramik lebih mudah dan menjadi pilihan ideal untuk menangkap pelbagai subjek. Walaubagaimanapun, pemilikan kamera profesional bukanlah prasyarat untuk menangkap gambar objek seramik yang estetik. Kepentingan komposisi dan pencahayaan dalam bidang fotografi melebihi kualiti kamera itu sendiri, dengan itu ianya memerlukan pertimbangan yang teliti.

Adakah perlu penggunaan perisian penyuntingan?

Sesungguhnya, menggunakan Adobe Lightroom dan Adobe Photoshop sebagai perisian penyuntingan dalam fotografi akan memudahkan dan melancarkan proses penyuntingan gambar, terutamanya untuk melaraskan pencahayaan dan warna. Selain itu, perisian penyuntingan membantu untuk menghapuskan unsur-unsur yang tidak diinginkan seperti habuk atau tanda lain yang tidak diinginkan dari imej.

Apakah cadangan untuk proses menyunting Fotografi?

Konsistennya dalam menghasilkan imej melalui fotografi, lazimnya jurugambar meminimumkan jumlah kerja pasca pemprosesan yang diperlukan. Jurugambar menggunakan beberapa parameter visual seperti suhu warna, kecerahan, kontras, bayang, dan faktor lain yang berkaitan dalam menghasilkan sesebuah imej. Manakala, proses penyuntingan secara signifikan menyumbang kepada kualiti keseluruhan fotografi. Penting ketika proses penyuntingan adalah keperluan untuk koheren dalam turutan foto demi memastikan imej yang terhasil harmoni dan saling melengkapi dengan baik. Disyorkan imej yang mempunyai tahap kontras, pencahayaan, dan kecerahan yang setanding untuk memastikan koheren visual dan keharmonian dipaparkan dalam koleksi karya seramik.

Apakah kesilapan lazim yang dihadapi apabila terlibat dalam proses mengambil gambar karya seramik?

Salah satu pengawasan tersebut terletak pada peruntukan perhatian yang tidak mencukupi terhadap visual karya seramik. Proses menyusun strategi pelaksanaan pemotretan dengan teliti dan meningkatkan gambar yang dihasilkan dengan teliti adalah sangat penting. Penggunaan warna, tekstur, pencahayaan, dan komposisi yang berkesan berpotensi untuk memikat dan melibatkan peminat karya seramik dengan menarik perhatian mereka.



# Aksesori Seramik

**Nor Idayu Ibrahim**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Seramik mempunyai densiti yang lebih tumpat dan padat. Seramik boleh diwarnakan dan boleh juga dipadankan dengan bahan lain seperti kaca, tembaga, dan perca kain.

Gabungan bahan-bahan ini menambahkan lagi nilai estetika aksesori seramik dengan pengayaan yang bersesuaian. Seramik dan fesyen boleh berhubungkait dalam pelbagai cara. Salah satunya ialah sebagai aksesori fesyen. Seramik ini dibentuk menjadi aksesori pelengkap tatarias seseorang seperti anting-anting seramik, butang baju seramik, kalung seramik, cincin seramik, gelang tangan seramik, dan sebagainya. Di Sarawak, aksesori seramik sangat popular. Pengusaha kraf aksesori seramik menghasilkan manik seramik yang bewarna-warni dan di bentuk dalam pelbagai saiz dan rupa. Industri kecil ini dipelopori oleh agensi kerajaan dengan bantuan dari suri rumah tempatan. Kilauan yang terhasil daripada manik seramik ini berbeza dari kilauan intan dan permata.



# Penerapan Estetika Dalam Senireka Keramik Kontemporari

Noor Enfendi Desa

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, seramik bermaksud barang-barang daripada tanah liat atau tembikar dan barang-barang yang dibuat daripada tanah liat atau tembikar. Penggunaan seramik telahpun wujud sejak beribu tahun dahulu. Hal ini terbukti dengan penemuan serpihan-serpihan seramik atau tembikar di beberapa buah gua di Malaysia. Peralatan seramik seringkali dikaitkan dengan barangan tradisional yang mempunyai fungsi sebagai alat kegunaan harian. Namun begitu, senireka seramik telah mengalami perubahan yang ketara tidak lagi sekadar menjadi alat kegunaan harian ataupun alat perhiasan semata-mata. Senireka seramik telah pun berubah mengikut arus seni kontemporari yang menitikberatkan perihal estetika dalam gaya persembahan.

Estetika dalam senirekaan merupakan komponen penting dalam memastikan setiap karya seni yang dihasilkan mempunyai nilai dan kualiti yang tinggi. Pengertian estetika pada karya kebiasaannya berkait rapat dengan unsur kehalusan, kemahiran, reka bentuk, fungsi, dan rupanya. Keindahan dalam pengertian estetika adalah suatu kepuasan yang sepatutnya dicapai melalui apresiasi seni. Menurut Prof. Madya Dr. Norfadilah Kamarudin, estetika adalah ilmu yang membahaskan tentang keindahan, cita rasa, dan pengalaman yang berkaitan dengan kegiatan seni. Pengamatan nilai estetika terhadap karya terbahagi kepada tiga (3) tahap iaitu yang pertama adalah persepsi kepada kualiti bahan, kedua adalah pengolahan idea dan peringkat yang ketiga adalah peranan yang menyeluruh dapat menimbulkan kesan atau perasaan.

Senireka seramik kontemporari lebih menekankan kepada unsur bentuk, makna dan dekorasi mengikut perkembangan semasa. Ia menjadi asas yang penting bagi mengukur nilai estetika sesebuah karya seni. Konsep kontemporari bersifat lebih bebas, dan terkini. Walau bagaimanapun, teknik-teknik tradisi masih lagi digunakan dalam penghasilan karya seramik kontemporari. Kriteria asas masih menjadi panduan dalam penghasilan karya seni seramik kontemporari. Dengan pengayaan kontemporari, seni reka seramik tidak lagi membataskan atau tertumpu kepada satu bahan sahaja iaitu tanah liat. Penggiat senireka seramik hari ini dilihat menggabungkan beberapa bahan dalam penghasilan karya mereka supaya menampakkan lebih elegan dan bersesuaian dengan pengayaan kontemporari. Karya yang dihasilkan lebih berkonsepkan karya arca (*non-functional*), instalasi, dan konsepsual yang menerapkan nilai-nilai estetika dalam karya.

Kesimpulan senireka seramik merupakan salah satu seni warisan yang berkait rapat dengan fungsi kegunaannya sejak zaman dahulu lagi. Keindahan yang divisualkan dalam senireka seramik bukan sahaja dipersembahkan melalui bahan yang digunakan ataupun teknik pembuatan tetapi penerapan unsur dan prinsip seni amat memainkan peranan penting. Penghasilan dan olahan karya senireka seramik yang menggabungkan antara bentuk atau teknik tradisional moden secara tidak langsung dapat mempersembahkan karya yang sarat dengan maksud dan nilai budaya. Gabungan unsur dan prinsip seni turut menunjukkan secara menyeluruh penerapan nilai estetika dalam penghasilan karya senireka seramik kontemporari.





*Hasil Karya : SITI NURAI SYAH MASROHAN*

# Raku

Siti Norhashimah Suman

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak

Raku adalah suatu teknik pembakaran pantas dalam penghasilan karya seramik. Raku merupakan kaedah pembakaran tradisional yang berasal dari Jepun yang terkenal dengan hasil yang dicirikan oleh gerlis yang retak, bewarna-warni dan berkilau seperti logam. Ia memperlihatkan unsur-unsur budaya Jepun iaitu "roh" atau falsafah Raku Jepun Tradisional dalam karya seni kontemporari. Amalan seni Raku ini telah dijadikan sebagai amalan tradisi Jepun sejak sekian lama sebagai dalam budaya masyarakat Jepun khususnya. Teknik Raku dihasilkan dengan menyediakan karya bersaiz sederhana kecil. Raku telah menjadi popular di kalangan seniman kontemporari antarabangsa sejak ia diperkenalkan di Barat pada tahun 1940-an. Menurut sejarah, Raku merujuk kepada ciri-ciri spiritual, agama, falsafah, upacara, dan fungsi gaya tertentu seramik. Pertama kali dibangunkan di bandar Kyoto, Jepun pada akhir abad ke-16 semasa tempoh Momoyama (1573-1615), dalam bentuk tradisional, Raku digunakan untuk menghasilkan barang-barang seramik untuk upacara teh.

Gerlis menggunakan bahan seramik seperti *potash feldspar*, *flint*, *ball clay*, pewarna seramik, dan sebagainya mengikut formulasi serta mengikut suhu yang dikehendaki. Cara aplikasi gerlis boleh menggunakan teknik sapuan, celupan, dan tuangan bergantung kepada kesan yang dikehendaki. Kaedah pembakaran Raku berbeza dengan pembakaran seramik konvensional di mana Raku mengambil tempoh masa yang singkat dan pantas.

Tanur (*kiln*) Raku yang direka khas biasanya kecil dan mudah alih dan menggunakan bahan bakar gas asli. Teknik pembakaran Raku terhasil dari kejutan pertembungan udara sejuk dan panas. Pelbagai kesan di luar jangka boleh diperolehi dari hasil teknik pembakaran raku ini. Keadaan ini berlaku apabila mencapai kematangan suhu gerlis. Produk seramik dikeluarkan dari tanur dengan keadaan masih merah dan panas dengan menggunakan pengepit logam yang panjang serta peralatan khas pelindung diri. Kemudian karya diangkat dan diletakkan ke dalam bekas yang diisi dengan bahan bakar seperti sekam padi. Bahan bakar lain juga boleh digunakan seperti serbuk kayu, surat akhbar, rumput, daun dan sebagainya. Karya ditutup dengan bahan bakar sekam padi seterusnya ditutup rapat untuk menyimpan oksigen untuk mencipta suasana pengurangan di dalamnya. Suasana pengurangan ini mempengaruhi gerlis menyebabkan tindakbalas haba dan menghasilkan warna dan tekstur yang unik. Proses ini juga memberi kesan kepada gerlis dengan menyebabkan warna-warna yang unik dan kesan logam. Proses ini juga menghasilkan kesan retak pada gerlis produk atau karya.

Proses seterusnya adalah penyejukan. Pada kebiasaannya, proses penyejukan bergantung juga pada kesan yang akan dihasilkan, ada yang dibiarkan sejuk sekejap dan ada yang dibiarkan tiga jam di dalam bahan bakar yang ditutup rapat dan tahan haba. Apabila selesai proses penyejukan yang diinginkan, produk akan diangkat dengan menggunakan alatan yang tahan haba. Kemudian produk dimasukkan ke dalam bekas yang berisi air sejuk atau dibiarkan sejuk secara terbuka. Proses penyejukan yang pantas boleh mempengaruhi penampilan gerlis Raku. Penyejukan cepat ini membantu mengeringkan gerlis dan mencipta kesan retakan. Proses pembakaran Raku terkenal dengan unsur kejutan dan hasil dapatan yang tidak dijangka. Gabungan pembakaran cepat, pengurangan, dan formulasi gerlis yang unik menghasilkan pelbagai hasil seni yang hebat, menjadikan setiap tembikar Raku sebagai karya seni yang unik.

Pembersihan dan sentuhan akhir adalah dengan produk seramik sejuk sepenuhnya dan dibersihkan dengan berhati-hati untuk menghilangkan sebarang karbon atau abu yang tinggal dari proses pembakaran dan penyejukan. Pembakaran Raku dikenali dengan elemen kebetulan dan ketidakdugaannya. Perubahan suhu yang pantas, proses pengudaraan serta variasi dalam aplikasi gerlis semua menyumbang kepada hasil yang unik dan seringkali mengejutkan. Setiap hasil produk adalah unik serta mencerminkan interaksi antara artis, bahan-bahan, cara aplikasi gerlis, dan proses pembakaran ke atas produk atau karya.





Hasil Karya : MUHAMMAD FARIS

# Memfaatkan Sisa Seramik dalam Alam Bina untuk Kelestarian Alam Sekitar

Raja Nurulhaiza Raja Nhari  
*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*





Di Malaysia, isu peningkatan penjanaian sisa binaan merujuk di tapak bina dan tahap kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pengurusan sisa binaan di negara ini masih rendah. Pengurusannya yang lemah menyebabkan berlakunya pembaziran bahan yang boleh dikitar semula. Kebanyakan sisa binaan dan perobohan tidak dikitar semula tetapi berakhir di tapak pelupusan sampah dan ia mempunyai kesan negatif terhadap alam sekitar.

Pelbagai usaha dalam menggalakkan penggunaan semula sisa binaan dan melestarikan alam sekitar. Antaranya adalah melalui kaedah 3R iaitu pengurangan (*reduce*), guna semula (*reuse*) dan kitar semula (*recycle*). Dengan pelaksanaan kaedah ini sekali gus dapat mengurangkan kos pengurusan sisa binaan, menjimatkan sumber alam semula jadi serta memelihara alam sekitar.

Untuk mencapai matlamat dalam merealisasikan kelestarian alam sekitar, sisa binaan terutamanya sisa jubin seramik yang diperolehi daripada tapak pembinaan dan perobohan binaan untuk dijadikan sebagai bahan kajian dalam menggantikan sebahagian campuran bancuhan konkrit.

Mengitar semula sisa jubin seramik ini juga akan memberi impak terhadap ekonomi negara jika ia digunakan sebagai bahan di dalam konkrit, di mana ia akan mengurangkan penggunaan bahan batu baur yang diperolehi daripada kuari. Ia sekaligus dapat mengurangkan penggunaan sumber asli negara.

Lebih banyak lagi kajian inovasi perlu dieksplorasi terhadap sisa jubin seramik serta potensi kitar semula yang boleh menjadikan ia sebagai strategi yang berguna untuk memelihara alam sekitar dan meningkatkan kualiti bahan binaan pada masa akan datang.



# Penebat Bumbung Seramik Berliang

**Wan Nur Syazwani Wan Mohammad,  
Nurul Nabila Husna Zulkifli**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Keselesaan termal adalah perkara penting yang perlu dipertimbangkan pada rumah-rumah moden berbata dan berkonkrit di kawasan bandar dan kawasan ruang hijau yang terhad. Ini kerana kawasan bandar yang padat dengan struktur konkrit dan bata yang banyak, boleh menyebabkan fenomena yang dikenali sebagai 'kesan pulau haba bandar'. Fenomena ini menyebabkan suhu yang lebih tinggi di kawasan bandar disebabkan oleh penyerapan haba yang tinggi dan mekanisme penyejukan semula jadi berkurangan. Justeru, pengenalan Penebat Bumbung Seramik Berliang adalah alternatif yang kompetitif dan berkesan pada permasalahan di atas.

Penebat Bumbung Seramik Berliang diperbuat daripada sumber sisa dan bahan berliang (contohnya seramik) sebagai bahan utamanya. Bahan binaan berliang pasif ini digunakan untuk menjimatkan tenaga dalam pembinaan dan berperanan sebagai bahan penyejuk alam sekitar untuk mengurangkan peningkatan suhu bangunan akibat sumber haba, penyerapan solar secara langsung, atau penyerapan haba dalam bangunan tanpa menggunakan tenaga. Seramik Berliang mempunyai beberapa kelebihan berbanding seramik biasa misalnya ia lebih ringan, mudah diproses, mempunyai penyerapan air yang tinggi, dan penebat haba yang baik. Walaubagaimanapun, penyerapan dan pengekalan air bergantung pada saiz liang dalam seramik tersebut. Semakin mengecil liang tersebut, kadar penyerapan dan pengekalan air di dalam seramik tersebut adalah lebih baik.

Peningkatan haba semasa cuaca panas dan kehilangan haba semasa cuaca sejuk boleh menyebabkan penjimatan tenaga dengan mengurangkan keperluan pemanasan dan penyejukan dalam bangunan. Justeru, ia memberi manfaat kepada penghuni bangunan dari segi keselesaan, pengurangan caj penggunaan tenaga di dalam bangunan dan kesan kepada alam sekitar.

Mengekalkan keselesaan termal di dalam bangunan adalah penting untuk kesihatan dan produktiviti penghuni-penghuninya. Suhu terlampau tinggi boleh menyebabkan ketidakelesaan, tekanan emosi dan masalah kesihatan. Penebat Bumbung Seramik Berliang ini membantu penghuni-penghuni di dalam bangunan cenderung untuk kekal selesa, fokus dan sihat.

Penebat Bumbung Seramik Berliang yang mencukupi membolehkan penciptaan ruang yang berfungsi di dalam bangunan. Ruang yang terlalu panas atau terlalu sejuk menyebabkan ruang di dalam bangunan tidak dapat digunakan sepenuhnya, dan menyekat kepelbagaian fungsi ruang tersebut.

Meningkatkan keselesaan termal melalui Penebat Bumbung Seramik Berliang dengan menyumbang usaha kelestarian alam sekitar. Dengan mengurangkan keperluan pemanasan dan penyejukan yang berlebihan, tenaga yang lebih sedikit digunakan dan seterusnya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Penebat Bumbung Seramik Berliang menyokong keperluan penebat di dalam bangunan bagi memastikan keselesaan termal dan kecekapan tenaga dalam bangunan. Keperluan penebat ini penting bukan hanya untuk keselesaan penghuni-penghuninya, malah juga dari segi undang-undang dan keselamatan bangunan.

Ringkasnya, Penebat Bumbung Seramik Berliang adalah komponen penting dalam mencapai keselesaan termal di dalam bangunan terutama dalam rumah moden berbata dan berkonkrit di kawasan bandar. Penebat Bumbung Seramik Berliang menawarkan pelbagai manfaat seperti kecekapan tenaga, kesihatan, produktiviti penghuni dan kelestarian alam sekitar. Justeru, disarankan agar pemegang taruh di dalam industri pembinaan memberi keutamaan kepada keperluan Penebat Bumbung Seramik Berliang yang berkesan bagi menghasilkan ruang yang optima di dalam bangunan yang lebih selesa dan mampan.







*Hasil Karya : SITI SOLEHAH HUSIN*

# Kolaborasi Antara Fesyen Dan Keramik Dalam Dunia Seni yang Inovatif

**Zolina Mohamed**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Fesyen dan seramik adalah dua bidang seni yang sering kali saling melengkapi dan menghasilkan karya-karya yang mengagumkan dan inovatif.

Hubungan erat antara kedua-dua entiti ini telah mencipta ruang untuk perkongsian kreatif yang menghasilkan hasil yang menarik dan terus berkembang dari masa ke masa.

Sejarah kolaborasi antara fesyen dan seramik telah membawa kepada penghasilan karya seni yang berpengaruh. Contohnya, karya "*Setting a Hare in the China Shop*" oleh Akiko Hirai merupakan bukti bagaimana fesyen dan seni seramik dapat bersatu untuk mencipta karya seni yang menakjubkan. Kolaborasi seperti ini membuka pintu kepada inovasi dalam kedua-dua bidang seni.

Selain itu, hubungan antara fesyen dan seramik telah memberi dorongan kepada pembuatan batik yang lebih kreatif. Penggunaan tanah liat sebagai alternatif kepada lilin dalam pembuatan motif batik adalah contoh bagaimana kedua bidang seni ini boleh bersatu untuk mencipta produk yang baru dan menarik.

Penggunaan seramik dalam industri lain juga semakin berkembang. Keramik teknologi tinggi kini digunakan dalam pembuatan jam tangan, barang kemas, dan cincin.

Proses pensinteran komposisi seramik memungkinkan warna-warna yang beragam, membawa elemen estetika yang menarik kepada produk-produk ini.

Kolaborasi antara fesyen dan seramik adalah bukti nyata betapa seni dapat terus berkembang dan memberikan inspirasi kepada satu sama lain. Kedua-dua bidang seni ini menunjukkan kekuatan untuk mencipta karya seni yang mengagumkan dan inovatif apabila digabungkan dengan baik.

Melalui kreativiti dan perkongsian, fesyen dan seramik akan terus menjadi sumber inspirasi bagi masa hadapan.





Hasil Karya : MUHAMMAD ALIF RIDZUAN ISHAK

# Uniknya Underglaze Transfer Paper

**Zulkarnian Hassan**

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak*

Arena seramik amat popular dengan variasi teknik dekorasi produk yang penuh dengan motif yang pelbagai dari sumber semulajadi dan corak-corak yang unik. Dekorasi atas permukaan produk seramik tergolong dalam kumpulan decal yang diaplikasi samada di atas licau ataupun di bawah licau. Walaubagaimanapun, dekorasi atas licau antara teknik dekorasi paling popular digunakan di arena industri mahupun pengamal seramik. Salah satu kaedah dekorasi yang kurang diaplikasi ke atas produk seramik lokal ialah *Underglaze Transfer Paper*. *Underglaze Transfer Paper* atau dalam Bahasa Melayu dikenali sebagai 'Kertas Pelekat Bawah Licau' merupakan salah satu teknik dekorasi yang popular di kalangan pengamal produk seramik antarabangsa. Secara umumnya, *underglaze transfer paper* adalah lembaran kertas beras yang telah disaring sutera bersama pewarna khas *underglaze* seramik dan dilembarkan ke dalam bentuk kepingan kertas. Warna kepingan kertas dekorasi ini boleh dihasilkan secara tunggal atau juga boleh didapati dengan beberapa warna terpilih dan disediakan dalam saiz 19" x 13".

Walaupun *Underglaze Transfer Paper* dihasilkan dari bahan plumbum, ia tergolong dalam kumpulan bahan plumbum yang selamat dan sesuai digunakan pada produk *tableware* yang menjadikannya teknik dekorasi hebat untuk diaplikasikan pada produk *greenware* atau *bisqueware*. Suhu pembakaran bagi teknik ini sesuai dibakar pada suhu sehingga kon 10, manakala bagi warna yang lebih terang seperti merah jambu pula dicadangkan sesuai pada suhu kon 6 dan ke bawah. Lapisan licau yang lutsinar (*transparent*) adalah pilihan terbaik untuk dilapisi ke atas permukaan produk yang menggunakan *underglaze transfer paper* bagi mendapatkan hasil yang lebih baik dan jelas pada motif atau corak yang dihasilkan. Namun begitu, teknik dekorasi ini juga sesuai bagi produk tanpa kemasan licau di atasnya. Oleh kerana ini kaedah ini dihasilkan berasaskan bahan *underglaze*, maka ia sesuai dilapisi dengan bahan *underglaze* yang lain tanpa merosakan motif asalnya.

Antara keistimewaan dekorasi ini, ia membenarkan pengamal produk seramik untuk bereksperimentasi dengan *underglaze transfer paper* ke atas permukaan produk seramik samada dalam keadaan *greenware*, *bone dry* dan *bisqued* untuk hasil yang lebih menarik. Selain itu, *underglaze transfer paper* ini bertindak seperti bahan *underglaze* yang lain dan tidak melekat pada rak tanur atau produk lain di dalam tanur kecuali produk yang dilapisi dengan licau. Ia juga boleh digabungkan dalam apa jua teknik dekorasi lain.

Antara karyawan seramik antarabangsa yang sering menggunakan kaedah dekorasi ini pada karyanya ialah termasuk Hannah Mir, Meghan Hudson dan Cynthia Campbell. Walaupun teknik ini kurang diaplikasi di peringkat lokal atas beberapa alasan seperti pengetahuan, kemahiran dan bahan, *underglaze transfer paper* ini boleh diperolehi menerusi penjualan dalam talian dengan harga yang berbaloi dan pelbagai corak. Namun begitu, diharap agar pengamal seramik domestik dapat menguasai ilmu baharu untuk koleksi keluaran produk terbaru mereka agar dapat bersaing dengan keluaran antarabangsa.













e ISBN 978-629-97134-2-5



**ASIA INTERNATIONAL COMMUNITY OF ART & DESIGN  
(AICAD ONLINE)**